

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.0 Pendahuluan**

Sistem pendidikan negara kita telah mengalami pelbagai perubahan. Pada zaman pemerintahan British, terdapat lima sistem pendidikan di Tanah Melayu, iaitu Sekolah Pondok dan Madrasa, Sekolah Vernakular Melayu, Sekolah Cina, Sekolah Vernakular Tamil dan Sekolah Vernakular Inggeris. Selepas pembentukan Malaysia, perkembangan sistem pendidikan negara mengadakan pelbagai aliran bahasa iaitu Aliran Bahasa Malaysia, Aliran Bahasa Inggeris, Aliran Bahasa Cina dan Aliran Bahasa Tamil di peringkat sekolah rendah dan Aliran Bahasa Malaysia dan Aliran Bahasa Inggeris di peringkat sekolah menengah. Dalam tahun 1990-an, sistem pendidikan di Malaysia telah dibahagikan kepada dua peringkat yang umum iaitu peringkat persekolahan (rendah dan menengah) dan peringkat pelajaran tinggi.

Antara prinsip-prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang berkaitan dengan suasana persekolahan ialah perlu mewujudkan peluang serta menggalakkan interaksi sosial seperti bertukar-tukar pendapat, membina persefahaman dan kerjasama di antara satu sama lain. Interaksi sosial merupakan salah satu isu yang penting dalam sistem pendidikan di negara kita.

Interaksi sosial pelajar dalam sistem pendidikan formal di sekolah berlaku dalam bilik darjah dan aktiviti ko-kurikulum. Bilik darjah merupakan unit interaksi sosial yang paling berpengaruh di sekolah. Sekolah memberikan pendidikan dan menghasilkan perubahan ke

atas diri seseorang pelajar itu. Pendidikan yang didapati di sekolah merupakan proses dan aktiviti yang bertujuan untuk membawa perubahan kepada seseorang individu.

Baik di kalangan masyarakat barat atau timur, isu perbezaan gender dalam pendidikan semakin mendapat perhatian yang tinggi. Ini adalah kerana sistem pendidikan menentukan haluan pelajar lelaki dan perempuan dalam bidang kerjaya, politik dan status sosial. Lelaki yang sering dicirikan dengan kegagahan, sifat agresif, berdikari, berkepimpinan, berkeyakinan diri, dominan dan aktif menjadi ketua keluarga, ketua unit, ketua masyarakat yang menjadi lambang kuasa dominan. Sebaliknya, perempuan yang dianggap lebih emosional, kreatif, lembut, kemas dan pemalu pula disosialisasikan sebagai suri rumah, guru, jururawat dan setiausaha di antara lain. Sekolah memainkan peranan yang penting untuk mencorakkan pelajar lelaki dan perempuan kearah pembangunan sosial negara.

Guru juga perlu menyusun strategi agar suasana berinteraksi di antara pelajar lelaki dan perempuan berlaku secara harmonis, saling bantu membantu serta hormat menghormati supaya pembelajaran berlaku secara bermakna dan berkesan. Guru memainkan peranan penting dalam melaksanakan kurikulum bersepadu di sekolah. Dalam usaha ini, guru harus menentukan kaedah yang digunakan, pengetahuan serta kemahiran-kemahiran yang relevan. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah, seharusnya wujud interaksi yang seimbang di antara pelajar lelaki dan perempuan.

Sepanjang kurun 17 dan 18 para ahli linguistik telah menjalankan pelbagai kajian di Asia, Afrika, Amerika, Australia dan rantau Pasifik. Hasil daripada kajian, mereka telah menghasilkan satu aliran pendapat mengenai diskripsi bahasa dalam gender. Mereka menyatakan bahawa bahasa penggunaan lelaki dan wanita mempunyai perbezaan ketara serta mempunyai fenomena yang berbeza dengan gender.

Kajian Frazer (1900) iaitu teori gender dalam bahasa telah menggariskan satu fenomena umum. Beliau menyatakan istilah *subjective gender* dalam kaedah perbicaraan beliau. Menurut beliau wujud perbezaan bahasa dari segi jantina. Beliau mengutarakan bahawa perbezaan gender dalam bahasa ini mempunyai kaitan rapat dengan perkembangan sejarah, etnik kumpulan, psikologi dan kecenderungan kognitif gender.

Menurut kajian Swan (1988) pelajar lelaki mengambil giliran lebih banyak berbanding pelajar perempuan. Pelajar lelaki yang mempunyai keyakinan diri mengangkat tangan lebih cepat daripada pelajar perempuan. Beliau berpendapat strategi mengangkat tangan adalah penting untuk mengambil giliran dalam interaksi bilik darjah. Kajian di dalam bilik darjah adalah penting dalam pendidikan kerana ini akan menentukan polisi pendidikan mengenai gender.

Hasil daripada kajian-kajian yang telah dilakukan oleh ahli linguistik seperti Lever (1976), Mak Soon Sang (2008), Ragbir Kaur (2008) dan Jariah Mohd Jan dan Khatijah Shamsuddin (2000) menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang bermutu dan berkesan boleh dihasilkan apabila interaksi bilik darjah berlaku secara seimbang di antara gender. Interaksi di antara gender boleh berlaku secara seimbang apabila interaksi guru dengan murid atau sesama murid terjadi dalam suasana yang ramah mesra, lemah lembut, kasih sayang, hormat menghormati, sabar dan berdisiplin.

Daripada isu yang telah dikemukakan tersebut menunjukkan bahawa usaha ke arah mengutamakan aspek keupayaan berinteraksi di antara gender perlu dipertingkatkan untuk kepentingan pelajar menyesuaikan diri di dalam masyarakat pada masa akan datang.

Kajian ini dibuat ke atas bidang gender terhadap pengambilan giliran dan maklumbalas minima dalam interaksi oleh pelajar tahun lima di sebuah sekolah Tamil di Negeri Kedah.

Pengambilan giliran dan maklumbalas minima dalam interaksi bilik darjah merupakan satu gaya perbualan yang dipengaruhi oleh latar belakang, keluarga, umur, kelas sosial dan gender seseorang pelajar. Situasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah Tamil dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif untuk menjelaskan perbezaan gender yang terdapat dalam interaksi bilik darjah.

Sepanjang masa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan pelbagai corak interaksi akan berlaku. Kajian ini hanya menjelaskan tentang perbezaan gender dalam interaksi dari segi penggunaan maklumbalas minima dan pengambilan giliran yang terdapat dikalangan pelajar sekolah Tamil yang berumur 11 tahun. Usaha ini adalah kesinambungan terhadap pelbagai kajian lalu seperti yang dilakukan oleh Hass (1979), Lever (1976), Jariah Mohd Jan dan Khatijah Shamsuddin (2000) terhadap pelajar sekolah untuk menunjukkan kewujudan perbezaan gender dalam gaya penggunaan bahasa dalam interaksi.

## **1.1 Latarbelakang Kajian**

Interaksi bilik darjah yang berkesan amat diperlukan dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran. Ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan bagi melahirkan pelajar yang seimbang sepertimana yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Bagi sesetengah masyarakat terutamanya masyarakat barat seperti di Scandinavia, sesiapa yang tidak menunggu gilirannya seperti menyampuk, mengganggu dengan cara pertindanan ujaran dalam pertuturan dianggap kurang sopan dan tidak 'tahu bahasa'. Tetapi sebaliknya, di kalangan masyarakat Malaysia, pertindanan ujaran atau celahan semasa orang lain sedang bercakap dilihat sebagai sesuatu yang positif kerana ini menandakan sokongan atau persetujuan. Ini juga menunjukkan bahawa ada maklumbalas iaitu mendengar dan mengikuti

perbualan orang tersebut. Tumpuan akan diberikan kepada kekerapan dan kecenderungan pengambilan giliran dalam interaksi. Pelajar yang kerap mengambil giliran dalam interaksi bilik darjah dianggap aktif dalam interaksi tersebut. Sebaliknya pelajar yang kurang mengambil giliran dalam interaksi dianggap sebagai kurang aktif, tidak mengikuti topik perbincangan dan tidak berminat terhadap topik perbincangan (Jamaliah Mohd. Ali, 1995).

Interaksi bilik darjah di antara gender adalah amat penting untuk memberikan pendidikan dan menghasilkan perubahan ke atas diri seseorang pelajar itu. Pendidikan yang didapati di sekolah merupakan proses dan aktiviti yang bertujuan untuk membawa perubahan kepada seseorang individu pada masa depan. Maka setiap pelajar perlu berinteraksi secara aktif di bilik darjah supaya mendapat kemahiran dan menyahut cabaran era dunia globalisasi.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Kajian ini adalah berfokus kepada kekerapan pengambilan giliran dan maklumbalas minima dalam interaksi bilik darjah oleh pelajar lelaki dan perempuan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Teori perbezaan gender dalam bahasa menjadi satu isu perbincangan dalam bidang antropologi dan linguistik. Selain daripada Lakoff (1975), Keith dan Shuttleworth (2000) turut mengkategorikan pertuturan wanita adalah kurang berkesan semasa menyampaikan pendapat mereka dalam sesuatu perbualan. Permasalahan ini menjurus kepada kelemahan dalam interaksi.

Sepanjang pengetahuan pengkaji, kajian yang secara spesifik berfokus kepada perbezaan gender dalam pengambilan giliran dan maklumbalas minima dalam interaksi bilik darjah di sekolah Tamil di Malaysia kurang dilaksanakan. Tahap kesedaran tentang perbezaan interaksi di antara gender dalam bilik darjah masih kurang di kalangan guru yang

mengajar di sekolah Tamil. Keadaan ini menyebabkan pelajar lelaki masih mendominasi pelajar perempuan semasa berinteraksi dan pelajar perempuan masih kurang aktif semasa berinteraksi. Kajian ini dijalankan untuk memberi gambaran kepada masyarakat dan warga guru tentang perbezaan gender dalam penggunaan maklumbalas minima dan pengambilan giliran dalam interaksi yang terdapat dikalangan pelajar sekolah Tamil semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran sedang dijalankan.

### **1.3 Objektif Kajian**

Hipotesis-hipotesis tentang perbezaan interaksi di antara gender seperti yang diutarakan oleh Lakoff (1975), Zimmerman dan West (1975), Spender (1980), Cameron dan Coates (1989), Tannen (1990) serta Keith dan Shuttleworth (2000) membincangkan perbezaan interaksi yang berlaku di negara Barat. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti perbezaan gender dalam penggunaan maklumbalas minima dan pengambilan giliran dalam interaksi yang terdapat dikalangan pelajar semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran sedang dijalankan di negara Malaysia.

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji bagaimana sesuatu interaksi perbualan itu terbina dengan menggunakan maklumbalas minima dan pengambilan giliran dalam interaksi bilik darjah di antara gender. Kajian ini juga akan mengenalpasti kekerapan maklumbalas minima dan membuat perbandingan kekerapan pengambilan giliran dalam interaksi bilik darjah di antara pelajar lelaki dan perempuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang dijalankan.

#### **1.4 Soalan Kajian**

Bagi menjalankan kajian ini, terdapat beberapa persoalan yang perlu dikupas berkaitan perbezaan gender dalam maklumbalas minima dan pengambilan giliran dalam interaksi yang terdapat dikalangan pelajar.

Persoalan utama kajian ini adalah seperti berikut:

1. Bagaimanakah sesuatu interaksi bilik darjah di antara pelajar lelaki dan perempuan terbina?
2. Di antara pelajar lelaki dan perempuan, siapakah yang lebih kerap menggunakan maklumbalas minima dalam interaksi bilik darjah dan mengapa?
3. Di antara pelajar lelaki dan perempuan, siapakah yang kerap mengambil giliran dalam interaksi bilik darjah dan mengapakah keadaan ini berlaku?

Persoalan-persoalan yang dinyatakan ini akan menjadi fokus utama bagi melaksanakan kajian tentang perbezaan gender dalam pengambilan giliran dan maklumbalas minima dalam interaksi yang terdapat dikalangan pelajar semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran sedang dijalankan. Dalam kajian ini, pengkaji melihat bagaimana sesuatu interaksi bilik darjah itu terbina di antara pelajar lelaki dan perempuan berdasarkan sistem pengambilan giliran dan penggunaan maklumbalas minima dengan mengutamakan soalan-soalan kajian di atas.

## **1.5 Batasan Kajian**

Bagi menjalankan kajian ini, beberapa batasan kajian telah ditetapkan iaitu kajian ini dijalankan terhadap pelajar sekolah rendah. Ini adalah kerana, kajian ini hanya berfokus kepada pengambilan giliran dan maklumbalas minima dalam interaksi oleh pelajar semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut gender dilakukan secara spesifik. Bilangan sampel kajian adalah kecil dan terhad.

Selain itu, tumpuan utama hanya diberikan kepada gender pelajar bukan kepada gender guru yang mengajar. Sampel kajian ini hanya terdiri daripada pelajar tahun lima dari dua kelas yang pertama kerana pelajar lebih aktif menggunakan Bahasa Malaysia dalam interaksi bilik darjah (lihat Jadual 3.1). Bilangan pelajar lelaki dan perempuan di setiap kelas adalah seimbang iaitu 20 orang pelajar lelaki dan 20 orang pelajar perempuan (lihat Jadual 3.1). Oleh itu, pengkaji memilih kelas tersebut untuk melihat jurang perbezaan dan kekerapan maklumbalas minima dan pengambilan giliran di antara gender.

Sampel kajian juga hanya terdiri daripada pelajar tahun lima iaitu pelajar yang berumur 11 tahun maka hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan bagi kumpulan sampel yang berlainan tahap. Ia mungkin dapat dijadikan satu perintis dan landasan untuk kajian yang lebih luas dan mendalam dalam bidang gender. Oleh kerana sampel kajian ini telah ditetapkan kepada kumpulan kecil, maka dapatan kajian ini tidak dapat merangkumi secara keseluruhan.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini merupakan satu usaha untuk memberi gambaran tentang aspek perbezaan gender dalam pengambilan giliran dan maklumbalas minima dalam interaksi yang ditemui dikalangan pelajar sekolah Tamil semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Kajian mengenai isu gender dalam bidang bahasa amat kurang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji



di negara kita. Oleh itu, isu ini penting untuk dikaji bagi mempertingkatkan tahap kesedaran guru-guru di negara kita harus peka terhadap perbezaan gender dalam interaksi bilik darjah terhadap pengambilan giliran dan maklumbalas minima oleh pelajar semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran sedang dijalankan.

Ketidakseimbangan dalam peranan pelajar lelaki dan pelajar perempuan jelas digambarkan dalam kajian Dutch (1983). Dalam kajiannya interaksi lelaki dan wanita, kanak-kanak telah dibahagikan dalam kumpulan jantina yang sama dan kumpulan jantina yang berlainan. Kajian ini dilakukan di makmal sains dan mengkaji penglibatan pelajar dalam Eksperimen. Dapatan kajian ini adalah pelajar dalam kumpulan sama jantina bekerjasama untuk mendapatkan hasil tetapi dalam kumpulan yang berlainan jantina pula, pelajar lelaki mendominasi Eksperimen tersebut dan melaporkan keputusan kepada guru. Manakala pelajar perempuan pula hanya berperanan sebagai pembantu kepada pelajar lelaki dalam penyelidikan serta mengemas tempat selepas kajian tamat. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa kecenderungan dalam perbezaan berinteraksi di antara pelajar lelaki dan perempuan juga mempengaruhi pemilihan kerja atau subjek seseorang pelajar.

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti samada aspek pengambilan giliran dan maklumbalas minima dalam interaksi oleh pelajar mengikut gender menyebabkan kesan positif atau kesan negatif terhadap pemerolehan pendidikan mereka.

## 1.7 Definisi Istilah

Adalah penting bagi kajian untuk memberi penerangan tentang beberapa istilah yang kerap digunakan dalam penyelidikan ini. Ini kerana kajian ini akan kerap menyentuh beberapa istilah penting seperti gender pengambilan giliran dan maklumbalas minima sepanjang kajian dan penganalisan. Berikut adalah penerangan terhadap beberapa istilah-istilah penting kajian ini.

**Gender** merujuk kepada keperibadian maskulin atau feminin. Kajian ini menggunakan istilah gender bagi merujuk kepada pelajar lelaki sebagai individu yang mempunyai ciri-ciri maskulin manakala pelajar perempuan sebagai individu yang mempunyai ciri-ciri feminin. Gender bukan sahaja merupakan ciri individu tetapi suatu konsep yang dicapai dalam interaksi dengan orang lain. Menurut West dan Fenstermaker (1993), gender adalah lebih daripada peranan atau sifat individu; gender merupakan mekanisme di mana perlakuan sosial menyumbang kepada perluan struktur sosial.

**Interaksi** merujuk kepada satu proses pertuturan saling bertindak antara individu dengan individu lain atau dengan pihak lain di alam persekitarannya.

**Maklumbalas minima** adalah merupakan respon yang singkat yang kerap ditemui dalam sesuatu interaksi. Contoh maklumbalas minima adalah seperti 'mm', 'mmm', 'hmmm', 'em', 'hem', 'ya', 'ah' dan 'oh'. Fungsi utama maklumbalas minima adalah sebagai 'pelincir' atau 'pendorong' proses interaksi. Terdapat juga maklumbalas minima berbentuk bukan verbal seperti anggukan kepala dan senyuman.

**Pengambilan giliran** adalah mengambil bahagian dalam sesuatu interaksi selepas atau semasa seseorang penutur sedang berinteraksi. Di dalam sesuatu perbualan, biasanya tidak semua peserta bercakap serentak supaya tujuan interaksi dapat dicapai. Seorang Peserta A

bercakap, berhenti; Peserta B pula mula bercakap, berhenti dan seterusnya. Apabila berkomunikasi, biasanya di dalam situasi yang tenang, peserta-peserta akan cuba mengatur ujaran mereka untuk mengelakkan percakapan serentak. Ini menjadikan pengambilan giliran sebagai salah satu ciri yang paling ketara di dalam perbualan (Levinson,1983).

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.0 Pendahuluan**

Bab ini membincangkan dapatan kajian-kajian lepas tentang isu perbezaan gender dalam interaksi bilik darjah. Tinjauan kajian lepas ini dilakukan untuk mengetahui perkembangan pengajian bahasa dan gender dalam bidang pendidikan supaya membolehkan pengkaji mendapat pengetahuan untuk menjalankan kajian ini. Skop perbincangan meliputi unsur pengambilan giliran dan maklumbalas minima dalam interaksi bilik darjah.

#### **2.1 Bahasa dan Gender**

Menurut Ensiklopedia Bahasa dan Linguistik (1994), bahasa adalah satu instrumen komunikasi yang teratur dengan menggunakan bunyi suara yang menerbitkan lambang-lambang yang berlainan seperti tulisan, isyarat serta dipersetujui oleh sekelompok penutur. Setiap bahasa di dunia ini mempunyai ciri-ciri umum yang tersendiri yang semulajadi.

Gender pula adalah klasifikasi berasaskan konsep lelaki-wanita yang terbina secara sosial. Istilah Gender berasal dari bahasa Latin *Genus* yang bermaksud sejenis perilaku lelaki dan perempuan secara sosial mahupun budaya. Perkataan 'gender' telah digunakan untuk menggambarkan pembinaan sosial dan sumbangan kearah kajian tingkah laku yang bersesuaian dengan status seseorang. Dari sudut pandangan etnometodologi, konsep

gender biasanya digunakan untuk mencadangkan perbezaan di dalam konteks biologi yang dicirikan oleh struktur fizikal seseorang (West, 1995).

Bahasa dan Gender pula merujuk kepada kod masyarakat dan budaya yang digunakan untuk membezakan kualiti, perwatakan atau sifat antara lelaki 'masculine' atau wanita 'feminine'. Gender merupakan satu isu yang penting dalam bidang bahasa. Banyak kajian telah dilakukan oleh penyelidik dari pelbagai bidang seperti antropologi, psikologi, dialektologi dan sosiolinguistik untuk menjawab soalan perbezaan gender dari segi penggunaan bahasa.

Sepanjang kurun 17 dan 18 para ahli linguistik telah menjalankan pelbagai kajian di Asia, Afrika, Amerika, Australia dan rantau Pasifik. Hasil daripada kajian, mereka telah menghasilkan satu aliran pendapat mengenai diskripsi bahasa dan gender. Mereka menyatakan bahawa bahasa penggunaan lelaki dan wanita mempunyai perbezaan ketara serta mempunyai fenomena yang berbeza dengan gender.

Menurut Frazer (1990), teori gender dalam bahasa telah menggariskan satu fenomena umum. Beliau menyatakan bahawa wujud perbezaan bahasa dari segi jantina dan perbezaan ini mempunyai kaitan rapat dengan perkembangan sejarah, kumpulan etnik, psikologi dan kecenderungan kognitif gender. Perbezaan bahasa yang wujud di kalangan wanita dan lelaki dapat dilihat dari beberapa segi iaitu, fonetik dan nahu, pemilihan kata dan penggunaan kata adjektif.

## 2.2 Gender dan Interaksi

Bahasa dan hubungkaitnya dengan gender telah menjadi fokus perbincangan di kalangan pengkaji linguistik dan feminis. ‘Seksism linguistik’ melibatkan amalan verbal yang meluas dan pelbagai; termasuk bukan sahaja cara dalam mana wanita dilabel dan dirujuk, tetapi juga cara bagaimana strategi-strategi bahasa di dalam interaksi *intergender* mampu membuatkan peserta wanita mengurangkan atau menghentikan percakapan mereka (Atkinson, 2001).

Spender (1980) mengenalpasti bahasa sebagai *man-made* (buatan lelaki) yang menyumbangkan kepada ketidaksamaan dalam gender. Beliau juga mencadangkan bahawa kaum wanita telah berjaya disisihkan pada tahap yang lebih rendah kerana bahasa telah diperkayakan dalam masyarakat *patriarchal*. Spender (1980) mencadangkan bahawa kaum lelaki membentuk bahasa untuk kelebihan mereka, iaitu untuk mengesahkan kekuasaan mereka dan untuk mencipta dunia yang memberikan watak utama kepada mereka.

Trudgill (1980) menyatakan bahawa penentuan gender adalah kehendak masyarakat tentang apa yang dikatakan maskulin dan feminine. Istilah gender secara umumnya merujuk kepada individu lelaki dan perempuan. Lakoff (1975), Spender (1980), dan Tannen (1990) adalah antara ahli linguistik yang menyatakan bahawa terdapat perbezaan interaksi di antara gender.

Lakoff (1975) telah mengklasifikasikan beberapa ciri tertentu yang membezakan interaksi lelaki dan perempuan. Antara komponen bahasa yang dikaji oleh Lakoff (1975) adalah seperti berikut:

- penggunaan kata adjektif,
- kata sifat,

- soalan ekoran (*tag questions*),
- jeda (*hedges*)

Kesimpulan hipotesis Lakoff terhadap kewujudan perbezaan ciri-ciri ujaran di antara dua gender ini menunjukkan bahawa interaksi oleh gender wanita adalah ujaran yang bersifat emotif jika dibandingkan ujaran penutur lelaki. Lantaran daripada itu, apa yang diperolehi oleh Lakoff dalam kajian beliau adalah bahawa wanita merupakan golongan yang lebih cenderung dalam komponen bahasa yang berunsurkan emotif berbanding dengan lelaki.

Hipotesis Lakoff juga disokong oleh Keith dan Shuttleworth (2000) yang turut menggariskan perbezaan ciri-ciri interaksi di antara penutur lelaki dan wanita dalam konteks gaya perbualan secara berkumpulan yang akan dibincangkan dalam bahagian seterusnya (lihat Bahagian 2.4.1).

### **2.3 Peranan Sosial Penutur Lelaki dan Wanita**

Dalam sesebuah interaksi penutur perlu menyedari tentang peranan sosial yang harus dimainkannya. Ini adalah penting bagi seseorang penutur mematuhi konvensi, peraturan serta jangkaan tentang tugas, peranan dan status sosialnya di mata masyarakat dan juga dalam hubungannya dengan penutur-penutur lain. Kesedaran terhadap peranan dan tugas sosial seseorang penutur itu akan mempengaruhi penutur itu sendiri untuk memilih hala interaksi dalam sesebuah kumpulan iaitu samada hala hubungan interaksi itu berbentuk simetrikal ataupun asimetrikal (Jariah Mohd Jan, 2006).

## **2.4 Gaya dan Bahasa Pertuturan di antara Gender**

Perbezaan pertuturan di antara gender diukur dan dilihat daripada pelbagai aspek. Menurut Holmes (1992), apa yang membezakan pertuturan lelaki dan wanita adalah pemilihan atau *preference* penggunaan fitur–fitur linguistik yang berlainan. Fitur–fitur linguistik yang dipamerkan dalam gaya pertuturan oleh seseorang penutur adalah pelbagai. Fitur–fitur linguistik melibatkan perkara seperti nahu, tatabahasa dan pelbagai elemen linguistik. Setiap individu penutur lelaki mahupun wanita akan menunjukkan fitur–fitur tertentu dalam pertuturan mereka.

### **2.4.1 Gaya dan Bahasa Wanita**

Tannen (1990) telah menggariskan aspek perbezaan dalam penuturan wanita yang dilihatnya lebih terhadap emosi manakala lelaki pula lebih rasional. Antara ciri–ciri pertuturan wanita yang berbeza adalah bercakap lebih banyak, bersifat lebih peribadi dalam ujaran, berdiplomatik, cakap bertindih dan memiliki pertuturan yang bersifat simetrik.

Keith dan Shuttleworth (2000) pula menyatakan bahawa salah satu daripada ciri–ciri jelas dalam ujaran wanita adalah sikap tidak pasti terhadap sesuatu topik perbualan yang dibincangkan. Mereka menghuraikan teori tentang perbezaan pertuturan wanita dan mengkategorikan pertuturan wanita seperti berikut:

- i. Bercakap lebih banyak daripada lelaki
- ii. Terlalu Ekspresif
- iii. Lebih bersopan
- iv. Sentiasa tidak pasti dan tidak tegas
- v. Suka berleter
- vi. Suka bertanya



- vii. Suka mengadu
- viii. Menyokong perbualan
- ix. Lebih bekerjasama

Menurut Tannen (1990), pertuturan wanita juga menitikberatkan aspek kerjasama atau sokongan dalam sesebuah konteks perbualan. Namun begitu, Fishman (1990) menyangkal pandangan Lakoff (1975) dan menegaskan bahawa ujaran wanita tidak seharusnya dikaitkan sebagai salah satu ciri-ciri pertuturan yang lemah. Fishman menyatakan bahawa penutur wanita lebih banyak mementingkan kehendak konvensi pertuturan dalam bentuk interaksi. Golongan wanita melihat dunia sebagai suatu rangkaian atau *network* perhubungan yang perlu dicapai bagi tujuan mendapatkan sokongan di dalam perbualan (Spender, 1985).

#### **2.4.2 Gaya dan Bahasa Lelaki**

Keith dan Shuttleworth (2000) mengaitkan aspek emotif dalam ujaran oleh penutur lelaki. Malah, penutur lelaki dikatakan lebih agresif, dominan dan kasar dalam interaksi mereka. Menurut mereka jika penutur wanita menitikberatkan unsur kerjasama dan sokongan dalam perbualan mereka, penutur lelaki pula lebih bersaing dengan penutur lain.

Tannen (1990) juga menggariskan perbezaan yang wujud di antara pertuturan lelaki dan wanita. Salah satu daripada perbezaan yang nyata adalah sifat pertuturan lelaki dan wanita itu sendiri. Menurut Tannen (1990) lagi, unsur ujaran lelaki adalah lebih bersifat informatif (makluman) manakala unsur ujaran wanita pula lebih kepada emotif (perasaan).

Mengikut pandangan Woods (2003), bahasa lelaki adalah untuk mempamerkan keteguhan status dan kawalan dalam situasi perbualan. Menurut Woods dalam segala situasi

perbualan, salah satu tujuan lelaki berbicara adalah untuk menonjolkan idea dan kuasa di kalangan penutur-penutur yang lain.

Ciri-ciri pertuturan lelaki adalah berbeza daripada pertuturan wanita. Keith dan Shuttleworth (2000) telah menggariskan beberapa kriteria yang membezakan ujaran lelaki daripada wanita, iaitu:

- i. Suka menggunakan kata kesat
- ii. Tidak Ekspresif
- iii. Minat topik perbualan seperti sukan dan politik
- iv. Bercakap tentang wanita dan mesin dalam konteks sama
- v. Suka rasa berkuasa
- vi. Suka mencelah
- vii. Suka memberi arahan
- viii. Mendominasi perbualan

Pada pandangan Spender (1980), golongan lelaki mempunyai bahasa mereka yang tersendiri. Penggunaan ayat oleh penutur lelaki dalam perbualan menunjukkan kecenderungan mereka untuk sentiasa mendominasi perbualan. Keadaan ini tercetus disebabkan keperluan penutur lelaki sendiri untuk memperteguhkan kuasa dan status mereka dalam sesebuah interaksi berkumpulan.

### 2.4.3 Atribut Komunikatif di antara Penutur Lelaki dan Wanita

Keutamaan yang dipentingkan oleh penutur wanita dan lelaki adalah berbeza dalam sesebuah situasi perbualan (Tannen, 1990). Kandungan elemen dalam perbualan yang ditekankan oleh sama ada penutur lelaki atau wanita mempunyai atribut–atribut komunikatif yang berbeza. Di antara atribut – atribut komunikatif yang dinyatakan oleh Tannen berbeza di antara penutur lelaki dan waniata adalah seperti yang disenaraikan dalam Jadual 2.1.

<b>Lelaki</b>	<b>Wanita</b>
Status	Sokongan
Kebebasan	Keintiman
Nasihat	Kefahaman
Informasi	Perasaan
Perintah	Cadangan
Konflik	Kompromi

Jadual 2.1 Keutamaan Atribut Komunikatif di antara Penutur Lelaki dan Wanita

Perbezaan atribut komunikatif dalam pertuturan yang dinyatakan Tannen (1990) menunjukkan penutur lelaki mementingkan aspek-aspek seperti dominan, persaingan dan kuasa yang lebih berbentuk asimetrikal. Sebaliknya, atribut komunikatif dalam pertuturan wanita pula mengutamakan aspek–aspek seperti pengejalan konsep kerjasama serta solidariti yang lebih berbentuk simetrikal.

## **2.5 Model Pengambilan Giliran Sacks, Schegloff dan Jefferson (SSJ)**

Menurut Sacks, Schegloff dan Jefferson (SSJ) pengambilan giliran adalah unit asas perbualan (Sacks, Schegloff dan Jefferson, 1974). Pengambilan giliran bermaksud perubahan arah aliran perbualan yang merupakan satu ciri yang ditemui di dalam perbualan biasa. Model sistem pengambilan giliran yang dihasilkan SSJ (ibid.) terdiri daripada komponen pembinaan giliran dan komponen penentuan giliran serta satu set peraturan (*set-rule*) yang mengawal kedua-dua komponen ini. Peraturan ini penting untuk menjamin kelancaran aliran perbualan dan untuk mengelakkan konflik yang tidak diinginkan di dalam perbualan. Model ini menggambarkan ciri-ciri mekanisme pengambilan giliran untuk sesuatu perbualan.

Menurut SSJ (1974), set peraturan berfungsi pada sempadan suatu unit pembinaan. Berikutnya adalah set asas peraturan yang mengawal pembinaan giliran, menyediakan penentuan giliran seterusnya kepada satu pihak dan penyelarasan peralihan untuk meminimumkan jarak masa dan pertindanan ujaran.

Pada ruang peralihan pertama bagi permulaan unit pembinaan giliran, penutur semasa boleh memilih peserta lain untuk bercakap selepas gilirannya. Contohnya, dengan cara menunjukan soalan kepada penutur kedua yang dipilih. Jika penutur semasa berbuat demikian, beliau dijangka akan berhenti bercakap dan penutur kedua yang dipilih mempunyai hak untuk mengambil giliran yang seterusnya.

Dalam Analisis Perbualan (Roslina Mamat, 2004), membincangkan permasalahan dalam struktur komunikasi seperti cara mula dan akhir perbualan, pengambilan giliran, pertindanan, jeda, pembetulan, pasangan adjasensi, peranan identity gender, jenis maklumbalas dan lain-lain lagi. Menurut Roslina Mamat (2004), SSJ membuat kajian terhadap perbualan seharian yang berlaku dalam sesuatu masyarakat. Mereka tidak

memberi perhatian kepada peraturan linguistik. Sebaliknya kajian SSJ hanya tertumpu kepada struktur perbualan spontan sahaja. Contohnya, apabila A bercakap, B berhenti dan akan mendengarnya. Kemudian B pula mengambil giliran untuk bertutur dan A akan berhenti supaya dapat mendengar ujaran B. Keadaan ini mewujudkan satu siri urutan pertuturan.

Di samping itu, pada keadaan tertentu celahan dan pertindanan (*overlapping*) juga akan berlaku. Perlakuan mengambil giliran di dalam perbualan dianggap sebagai satu daripada pengetahuan peserta tentang peraturan berhubung dengan sesuatu wacana yang dikenali sebagai teknik pertuturan. SSJ (1974) mencadangkan mekanisme yang mempengaruhi aturan pengambilan giliran ialah satu set peraturan satu per satu (*one at a time*) atau disebut sistem pengurusan tempatan (*local management system*).

Jamaliah Mohd. Ali (1996) pula memberi definisi pengambilan giliran seperti berikut:

*Turn is a basic of talk; it refers to a shift in the direction of the speaking flow which is characteristic of normal talk.*

(Jamaliah Mohd Ali, 1996:3)

Menurut beliau, pengambilan giliran merupakan satu unit asas yang paling penting dalam sesuatu perbualan. Beliau menyatakan model SSJ sebenarnya boleh dikembangkan kerana berlakunya celahan dan pertindanan (*overlapping*) dalam keadaan tertentu. Pertindanan adalah ujaran serentak di mana peserta lain daripada peserta yang sedang bercakap mula bercakap pada atau berhampiran titik peralihan dalam ujaran peserta yang sedang bercakap (Zimmerman dan West, 1975).

	Penutur	A	B	A	B
<b>Contoh 2</b>	Giliran Pertuturan	1	2	3	4
	Penutur	A	A	B	A

Dalam Contoh 1, pengambilan giliran dalam pertuturan menunjukkan bahawa urutan giliran adalah sama dengan model *turn-taking* SSJ yang mengikuti urutan A-B-A-B. Manakala dalam Contoh 2 pula, pengambilan giliran pertuturan menunjukkan bentuk A-B-A-B, di mana penutur pertama mengambil giliran 1 dan 2 dan dicelah oleh B sebelum A mengambil gilirannya kembali. Ini bermakna cara pengambilan giliran ini adalah menjadi perkara yang biasa dikalangan masyarakat (Jamaliah Mohd Ali, 1996).

SSJ (1974) turut menyatakan bahawa terdapat dua komponen utama yang menentukan garis pembentuk pengambilan giliran. Antara dua komponen tersebut adalah komponen pembinaan giliran dan komponen penentuan giliran yang akan dibincangkan dibahagian seterusnya.

### **2.5.1 Komponen Pembinaan Giliran (*Turn-constructural Component*)**

Komponen ini menitik berat pengambilan giliran pada unit struktur atau sintaksis seperti ayat, klausa, frasa dan pembinaan leksikal. Apabila setiap peserta diberi giliran, beliau mempunyai hak untuk bercakap bagi menghasilkan satu unit seperti klausa dan frasa. Sempadan akhir unit-unit ini didefinisikan sebagai ruang peralihan (*Transition Relevante Place atau TRP*) (SSJ, 1974:702). Jenis unit yang lengkap atau sempurna boleh menjadi satu ruang peralihan di mana perpindahan giliran dari satu peserta kepada peserta lain terjadi. Ada kalanya pengambilan giliran ini berlaku pada hujung soalan. Maka ruang peralihan ini memberi peluang kepada pendengar untuk mengambil giliran yang berikutnya.

### **2.5.2 Komponen Penentuan Giliran (*Turn-allocational component*)**

Pengambilan giliran ini berhubung dengan hak atau kewajiban untuk bertutur apabila penutur semasa memperuntukan giliran kepada seseorang atau seseorang individu memilih dirinya untuk bertutur sendiri (*self-selected*) (SSJ, 1974: 696-735).

Pengambilan giliran adalah satu konsep di mana penutur bertutur mengikut giliran yang dianggap sebagai rangka dalam urutan yang teratur semasa perbualan. Fenomena ini turut disebut sebagai sistem pengurusan tempatan (*local management system*) yang bertujuan untuk memastikan kelancaran perbualan yang sistematik (ibid., 696-735).

Teknik penentuan giliran, menurut SSJ (1974: 696-735) dibahagi kepada tiga kumpulan iaitu:

- i) Penutur seterusnya dipilih oleh penutur yang sedang bercakap. Contohnya, dengan cara menunjukan soalan kepada peserta yang dipilih. Jika penutur semasa berbuat demikian, ia dijangka penutur semasa akan berhenti bercakap dan peserta yang dipilih mempunyai hak atau kewajiban untuk mengambil giliran yang seterusnya.
- ii) Penutur berikutnya ditentukan sendiri oleh peserta-peserta. Peserta-peserta boleh memilih diri sendiri (*self-select*) untuk mengambil giliran yang seterusnya.
- iii) Jika tiada sesiapa yang ingin mengambil giliran seterusnya, peserta yang baru selesai bercakap boleh meneruskan percakapan beliau.

Aspek penentuan giliran SSJ akan diambil kira dalam analisis kajian ini.

### **2.5.3 Ciri-ciri Model Pengambilan Giliran**

Dalam sesuatu perbualan penutur harus mengambil giliran berdasarkan ciri-ciri pengambilan giliran yang sedia ada untuk mengelakkan pertindanan ujaran dan celahan. Berikut adalah senarai ciri-ciri model pengambilan giliran Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974: 696-735):

- i. Hanya seorang peserta bercakap pada satu masa
- ii. Jumlah peserta boleh berbeza-beza
- iii. Susunan giliran peserta boleh berubah, bukan ditetapkan
- iv. Saiz giliran tidak ditetapkan
- v. Pertindanan ujaran adalah singkat dan jarang berlaku
- vi. Kandungan giliran penutur adalah secara spontan
- vii. Wujudnya teknik-teknik untuk membaiki kesilapan pertukaran giliran
- viii. Teknik-teknik peruntukan giliran digunakan oleh penutur atau pendengar untuk menyelaraskan pertukaran-pertukaran tersebut.

### **2.6 Celahan**

Celahan seringkali dilihat sebagai percubaan untuk merampas hak bercakap daripada penutur semasa. Celahan adalah berlakunya pertindanan ujaran sebelum penutur semasa habis bercakap atau mungkin juga pada masa penutur baru hendak mula bercakap (West dan Zimmerman, 1975).

Apabila penutur enggan menerima celahan, beliau tidak akan melepaskan hak bercakap. Ini dilakukan dengan bercakap dengan nada yang lebih kuat, lebih cepat dan di dalam intonasi yang lebih tinggi (West dan Zimmerman, 1975). Oleh itu, celahan sering dianggap sebagai unsur negatif yang mengganggu kelancaran perbualan. Walau bagaimanapun, terdapat kemungkinan peserta dalam sesuatu perbualan mencelah bukan



hendak merampas hak bercakap tetapi untuk menunjukkan sokongan ataupun meminta penjelasan lanjut. Oleh yang demikian, dalam konteks ini celahan tidak harus dilihat sebagai pelanggaran hak bercakap.

Sebaliknya, Jamaliah Mohd. Ali (1995) mengatakan celahan tidak semestinya dianggap sebagai suatu yang negatif. Ini kerana secara umumnya, masyarakat Malaysia kerap mencelah percakapan orang lain dengan maksud memberi sokongan, sebagai tanda persetujuan ataupun sebagai isyarat bahawa mereka sedang mengikuti perbualan tersebut. Ini dilihat secara positif dan membantu perkembangan isu yang sedang diperbualkan.

## **2.7 Pertindanan Ujaran (*overlap*)**

Pertindanan ujaran berlaku apabila giliran penutur semasa ditindih oleh ujaran penutur berikutnya sehingga membawa kepada titik penamatan ujaran. Penutur berikut memulakan ujarannya sebelum titik penamatan penutur semasa tersebut.

West dan Zimmerman (1975:114) berpendapat bahawa pertindanan ujaran adalah:

*instances of simultaneous speech where a speaker other than the current speaker begins to speak at or very close to a possible transition place in a current speakers utterance i.e., within the boundaries of last word.*

Titik peralihan di antara giliran ini yang membezakan celahan dengan pertindanan ujaran iaitu celahan bermula di pertengahan ujaran penutur tetapi pertindanan ujaran berlaku di akhir ujaran penutur.

## **2.8 Maklumbalas Minima**

Maklumbalas minima adalah berkenaan dengan jangka masa peralihan di antara ujaran. Sacks (1974) mendapati bahawa hanya sedikit atau tidak ada langsung jarak masa untuk peralihan ujaran. Ini bermaksud, bahawa peserta sentiasa dalam keadaan bersedia untuk mengambil giliran yang selanjutnya. Ini menunjukkan bahawa terdapat penglibatan yang aktif di kalangan peserta sama ada sebagai pendengar mahupun sebagai penutur. Ujaran tersebut adalah seperti /mmm/, /hm/, /ah/, /ha/, /yea/ dan sebagainya yang dihasilkan semasa salah seorang peserta sedang bercakap.

Sebaliknya, Allwood (1990) mengatakan bahawa penghasilan jenis ujaran ini merupakan maklumbalas iaitu ingin memperlihatkan minat peserta-peserta terhadap topik yang sedang dibualkan dan ingin mengembangkan isu perbincangan mereka.

Fishman (1973) berpendapat peserta-peserta menyelitkan maklumbalas begini jarang kali menindan ujaran penutur semasa kerana maklumbalas ini dilakukan di antara proses pernafasan. Penutur semasa akan meneruskan gilirannya selepas penyelitan /yea/, /hm/, /ah...ha/ dan /yes/ tanpa berhenti terlalu lama. Menurut beliau lagi, maklumbalas ini berfungsi sebagai tanda sokongan iaitu pendengar sedang memberi perhatian terhadap ujaran penutur. Maklumbalas minima juga boleh berlaku dalam bentuk lakuan bukan verbal seperti anggukan atau gelengan kepala, pergerakan tangan, kerlipan mata dan riak muka khasnya dalam perbualan bersemuka.

## **2.9 Bahasa dan Pertuturan Kanak-kanak Lelaki dan Perempuan**

Bermula dari zaman kanak-kanak sehingga dewasa, seorang individu akan mempelajari pelbagai jenis peraturan ketika berinteraksi dalam situasi yang berbeza. Peraturan interaksi yang berbeza digunakan bergantung kepada kedudukan sosial seseorang seperti interaksi dengan ibu bapa dan guru; ketika berurusan dengan birokrasi dalam bidang tertentu. Peraturan interaksi yang lain digunakan semasa berbual dengan rakan sebaya. Peraturan berinteraksi yang berbeza ini mula dipelajari dari umur 5-15 tahun iaitu apabila kanak-kanak lelaki dan perempuan berinteraksi secara sosial dengan anggota-anggota dari kumpulan jantina yang sama.

Kajian Haas (1979) menunjukkan kelainan penggunaan bahasa oleh kanak-kanak lelaki dan perempuan. Ini termasuk kekerapan kaum lelaki membuat permintaan secara langsung dan pemberian maklumat dan kekerapan golongan perempuan terhadap toleransi atau mengalah. Pertuturan dan tingkahlaku mengikut gender atau dinamakan gender-spesifik boleh diperhatikan di kalangan kanak-kanak tadika. Kanak-kanak belajar secara sedar untuk membezakan tingkahlaku mereka dari gender yang berlawanan. Kedua-dua kumpulan kanak-kanak ini telah dibezakan dengan jelas secara sosial lantas memperoleh cara bercakap yang berbeza. Budaya gender-spesifik ini dipelajari dari rakan sebaya kanak-kanak dan berkembang menjadi satu versi tingkahlaku yang stereotaip dan keterlaluan.

Kanak-kanak lelaki dan perempuan belajar menggunakan bahasa dengan cara yang berbeza disebabkan faktor sosial seperti perhubungan dan corak interaksi di antara murid dengan murid, khasnya di dalam bilik darjah. Murid-murid dalam sesebuah bilik darjah biasanya terdiri daripada latar belakang dan sifat yang berbeza-beza. Terdapat juga murid yang mempunyai sifat pendiam atau pemalu tidak suka bergaul dengan murid yang lain. Oleh itu guru perlulah bijak merangsang dan menggalakkan perkembangan sosial murid-

muridnya dengan menunjukkan sikap yang adil semasa melaksanakan peraturan kelas (Mok Soon Sang, 2008).

Banyak pemerhatian seperti yang dijalankan oleh Lever (1976), Maltz dan Borker (1982), Jariah Mohd Jan dan Khatijah Shamsuddin (2000), Mak Soo Sang (2008) dan Ragbir Kaur (2008) secara sistematik telah dilakukan ke atas kanak-kanak dan didapati sememangnya wujud perbezaan gaya interaksi kanak-kanak lelaki dan perempuan dengan rakan mereka (lihat Bahagian 2.9.1). Dengan meneliti perbezaan dalam bentuk interaksi sosial yang wujud seiringan dengannya, kita boleh mengetahui sumber perbezaan penggunaan bahasa di antara golongan lelaki dan perempuan (Maltz dan Borker 1982). Bentuk-bentuk inilah yang dipelajari pada zaman kanak-kanak dan terbawa-bawa hingga ke alam dewasa sewaktu berinteraksi di antara gender yang berlainan ataupun sesama gender.

### **2.9.1 Interaksi Pelajar Lelaki dan Perempuan dalam Bilik Darjah**

Kajian Lever (1976) ke atas sekumpulan pelajar mendapati kanak-kanak perempuan tidak berkemampuan menghadapi pertelingkahan di dalam kumpulan. Apabila timbul konflik, mereka tidak cuba menyelesaikannya tetapi kumpulan tersebut akan berpecah. Tidak ada seorang individu yang bertindak sebagai ‘ketua’ untuk menyelesaikan konflik yang timbul.

Faktor-faktor yang boleh mempengaruhi corak dan suasana interaksi di dalam bilik darjah pada lazimnya boleh diklasifikasikan kepada tiga kategori iaitu faktor fizikal, faktor kemanusiaan yang boleh di lihat dari segi faktor sosial dan emosi, dan faktor teknikal (Mak Soon Sang, 2008).

Faktor fizikal merangkumi segala bentuk kemudahan dan peralatan yang terdapat di sekolah. Bilik darjah yang kondusif mestilah mempunyai peralatan asas iaitu papan hitam, papan kenyataan dan ruang yang selesa, meja dan kerusi untuk guru dan murid, almari yang di hiasi dengan penyediaan bahan bacaan dan bahan bantu mengajar serta peralatan sokongan serta dihiasi dengan keceriaan dan kebersihan. Susunan meja dan kerusi dalam bilik darjah memberi kemudahan kepada murid-murid mengadakan aktiviti pembelajaran berpusatkan murid dan aktiviti berkumpulan. Murid-murid berintraksi sesama mereka dan mudah berintraksi dengan guru (Mak Soon Sang, 2008).

Faktor sosial merujuk kepada perhubungan dan corak interaksi di antara murid dengan murid, khasnya di dalam bilik darjah. Murid-murid dalam sesebuah bilik darjah biasanya terdiri daripada latar belakang dan sifat yang berbeza-beza. Terdapat juga murid yang mempunyai sifat pendiam atau pemalu dan tidak suka bergaul dengan dengan murid yang lain. Oleh itu, guru perlulah bijak merangsang dan menggalakkan perkembangan sosial murid-muridnya dengan menunjukkan sikap yang adil semasa melaksanakan peraturan kelas (ibid.).

Faktor emosi pula merujuk kepada perasaan murid terhadap guru mereka. Suasana emosi ini akan menimbulkan jenis tingkah laku murid yang di tentukan oleh sifat guru dan gaya pengajarannya. Suasana emosi bilik darjah yang kondusif biasanya di timbulkan oleh guru yang mempunyai sifat seperti penyayang, bertimbang rasa, peramah dan lucu, serta menjalankan tugas dengan bertanggungjawab dan adil, mengamalkan sikap demokrasi dan tidak memilih kasih (ibid.).

Faktor terakhir ialah faktor teknikal yang merujuk kepada teknik yang digunakan untuk merangsang semangat dan kesediaan belajar. Faktor ini merangkumi aspek kemahiran guru, kecekapan penggunaan alat bantu mengajar mengikut peruntukan masa serta aktiviti

yang boleh merangsangkan seperti pertandingan perbahasan, deklamasi sajak, kuiz, drama dan sebagainya. Aktiviti ini dapat merangsang semangat murid agar mereka berusaha dengan lebih giat lagi (Mok Soon Sang, 2008).

Gaya kepimpinan *Laissez-Faire* iaitu kebebasan sepenuhnya dalam apa jua aktiviti pembelajaran sehingga menjadikan bilik darjah tidak terurus, kucar kacir, dan perhubungan antara guru dan murid menjadi tidak akrab dan mesra. Selain itu, guru juga perlu peka dengan tugas yang diberikan kepada murid berorientasikan kepada peningkatan interaksi dan pertumbuhan kognitif di kalangan murid-murid (Ragbir Kaur, 2008).

Dalam kajian yang dijalankan oleh Jariah Mohd Jan dan Khatijah Shamsuddin (2000:67) pula, pelajar lelaki didapati memilih diri mereka sendiri untuk bertutur (*self-selected*) secara sukarela untuk menjawab soalan guru. Menurut mereka lagi, pelajar lelaki lebih cepat mengangkat tangan untuk mengambil giliran dalam interaksi berbanding pelajar perempuan. Pelajar lelaki juga suka mengambil giliran dan menjawab soalan guru dengan cepat kerana mereka bersifat lebih berani, berkuasa dan ingin mendominasi sesuatu interaksi berbanding pelajar perempuan.

### **2.9.2 Dunia Kanak-kanak Perempuan**

Menurut Maltz dan Borker (1982), kanak-kanak perempuan mempelajari bahasa yang dihasilkan oleh pemikiran dan kerjasama. Sepanjang proses membesar, mereka belajar cara-cara halus dan lemah-lembut untuk menyeimbangkan tekanan konflik yang terhasil dalam dunia sosial perempuan dan ideologi persahabatan mereka. Menurut mereka kanak-kanak perempuan menggunakan bahasa dengan cara yang berlainan berbanding kanak-kanak lelaki iaitu:

- a) Menghasilkan dan mengekalkan hubungan kemesraan dan persamaan
- b) Mengkritik orang lain dengan cara yang boleh diterima
- c) Mengintepretasi setepat yang mungkin pertuturan kanak-kanak perempuan yang lain.

Maltz dan Borker (1982:205)

Kanak-kanak perempuan belajar mengkritik dan berdebat dengan kanak-kanak perempuan lain tanpa melibatkan pertuturan yang berunsur agresif. Kanak-kanak perempuan tidak suka bersikap 'memerintah' lebih-lebih lagi terhadap rakan sebaya atau dalam hubungan simetri. Walaupun begitu, mereka belajar memberi arahan tanpa memperlihatkan sikap memerintah atau mereka mengelak dari memberi perintah (Maltz dan Borker, 1982:196).

Menurut Goodwin (1990), perselisihan faham adalah perkara biasa di kalangan kanak-kanak perempuan apabila berinteraksi diantara satu sama lain. Di dalam bilik darjah contohnya, kanak-kanak perempuan belajar mengucap atau menyampaikan hujah mereka bergantung kepada keperluan ahli kumpulan yang sedang berinteraksi ataupun untuk menyatakan kehendak peribadinya.

### **2.9.3 Dunia Kanak-kanak Lelaki**

Dunia sosial kanak-kanak lelaki berkaitan rapat dengan keadaan sesuatu situasi. Secara umumnya, Maltz dan Borker mengatakan bahawa pertuturan mereka digunakan dengan tiga cara iaitu:

- a) untuk menuntut atau menegaskan dan mengukuhkan kedudukan dominan mereka.
- b) untuk menarik perhatian dan mengekalkan perhatian yang berjaya didapati

dari orang lain.

- c) untuk menuntut haknya apabila peserta lain sedang bercakap.

Maltz dan Borker (1982:207)

Penggunaan ujaran untuk menunjukkan kuasa yang dipegang adalah yang paling luas ditemui dalam gaya sociolinguistik kanak-kanak lelaki di dalam kumpulan sebaya. Kanak-kanak lelaki menggunakan bentuk-bentuk linguistik seperti memberi perintah, mengancam secara verbal atau memegah-megahkan kuasanya dan enggan menurut perintah sebagai manifestasi kuasa yang dimilikinya (Maltz dan Borker, 1982).

Kejayaan sosial di kalangan kanak-kanak lelaki bergantung kepada pengetahuan bagaimana dan bilakah masanya yang sesuai untuk menggunakan perkataan tertentu untuk memperlihatkan kuasanya dan bilakah masanya untuk tidak menggunakan perkataan-perkataan tersebut. Ketua kumpulan yang berjaya tahu menggunakan pertuturan untuk meletakkan pencabar di tempat mereka dan pada masa yang sama mengingatkan pengikut-pengikut yang lain akan kedudukan mereka. Walau bagaimanapun, ini tidak dilakukan dengan cara mengugut sebarangan. Oleh itu, ketua yang sebegini dihormati dan bukannya ditakuti oleh kanak-kanak lain yang kurang dominan (ibid.).

Di dalam interaksi biasa, kanak-kanak lelaki menggunakan bahasa untuk memperolehi dan mengekalkan perhatian kanak-kanak lain. Ini dilakukan dengan cara bercerita, berjenaka dan bentuk penyampaian naratif yang lain. Ciri-ciri ini biasa ditemui di dalam interaksi sosial kanak-kanak lelaki. Kadangkala jika mereka tidak mendapat sambutan atau maklumbalas dari pendengar, kanak-kanak tersebut terpaksa menghadapi cabaran meneruskan cerita atau jenakanya sehingga tamat. Walaupun tiada galakan dari pendengar, ia akan tetap berhenti sebentar pada titik ujaran tertentu untuk mendapat reaksi dari pendengarnya dan meneruskan penyampaiannya walaupun keadaan senyap. Ini



memperlihatkan kegigihan kanak-kanak lelaki meneruskan ujarannya walaupun tiada maklumbalas kanak-kanak lain. Dari kajian-kajian lepas didapati kekerapan maklumbalas minima di dalam interaksi di kalangan lelaki adalah lebih rendah berbanding dengan di kalangan perempuan.

Kajian ini dilakukan untuk melihat perbezaan gender yang berlaku dikalangan pelajar sekolah rendah dalam interaksi bilik darjah. Pengkaji membuat rujukan terhadap kajian luar negara dan kajian yang dijalankan di Malaysia untuk mendapat idea tentang pengambilan giliran dan maklumbalas minima dalam interaksi. Tinjauan ini bukan sahaja menjurus kepada pengambilan giliran dan maklumbalas minima dalam interaksi tetapi juga kajian yang berkaitan dengan penyelidikan terhadap isu bahasa dan gender. Kajian dan pemahaman *literature* terhadap kajian dan penyelidikan lepas dapat dijadikan landasan bagi kajian ini untuk mencapai objektif penyelidikannya.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pendahuluan**

Bab ini membincangkan tentang sampel kajian yang dipilih dan metod yang digunakan untuk membuat kajian terhadap interaksi bilik darjah di antara gender pelajar di sebuah sekolah Tamil di negeri Kedah. Antara aspek yang diberi fokus utama dalam kajian ini adalah pengambilan giliran dan maklumbalas minima di antara gender pelajar Tahun Lima dalam interaksi bilik darjah semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran sedang dijalankan. Bab ini menghuraikan kepentingan metodologi, sampel kajian, instrumen dan prosedur kajian yang digunakan oleh pengkaji.

Pengkaji memilih teknik pengumpulan data yang sesuai untuk menjalankan kajian ini. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah rakaman video situasi bilik darjah. Data yang dikumpul daripada kaedah ini kemudian ditranskripsi dan dianalisis untuk memperolehi dapatan kajian.

#### **3.1 Sampel Kajian**

Di negeri Kedah terdapat 52 buah sekolah rendah Tamil dan pengkaji memilih satu sekolah daripada sekolah tersebut untuk menjalankan kajian. Sekolah tersebut dipilih kerana mempunyai lima kelas dalam satu aliran berbanding sekolah lain yang hanya mempunyai satu kelas sahaja. Justeru, pengkaji memilih pelajar Tahun Lima yang berumur 11 tahun dan dari dua kelas yang terbaik sebagai sampel kajian. Pengkaji

memilih mata pelajaran Bahasa Malaysia untuk membuat rakaman. Topik yang diajar semasa membuat rakaman adalah berbeza iaitu kelas 5 UUM berbincang tentang topik telefon (rujuk Lampiran 2) dan kelas 5 UPM pula berbincang tentang tempat pelancongan (rujuk Lampiran 3).

Kriteria pemilihan sampel bagi kajian adalah seperti berikut:

- a) jumlah murid di setiap kelas adalah sama (rujuk Jadual 3.1)
- b) kelas yang dipilih adalah kelas pertama dan kelas kedua kerana tahap penguasaan Bahasa Malaysia pelajar tersebut adalah lebih tinggi berbanding pelajar di kelas bawahan yang lain (rujuk Jadual 3.2)
- c) masa pengajaran dan pembelajaran setiap kelas adalah selama 30 minit

<b>Kelas</b> \ <b>Sampel</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Perempuan</b>
<b>5 UUM</b>	20 orang	20 orang
<b>5 UPM</b>	20 orang	20 orang

Jadual 3.1 Bilangan Pelajar Lelaki dan Perempuan Tahun 5 Mengikut Kelas

Sampel kajian terdiri daripada seramai 80 orang pelajar Tahun 5 dari dua kelas (5 UPM dan 5 UUM) iaitu 40 pelajar lelaki dan 40 pelajar perempuan (lihat Jadual 3.1). Pelajar dari dua kelas ini digunakan sebagai sampel kajian untuk memerhati kekerapan pengambilan giliran dan maklumbalas minima dalam interaksi bersama guru dan pelajar lain dalam bilik darjah.

<b>KEPUTUSAN PEPERIKSAAN</b>	<b>PENCAPAIAN BAHASA MALAYSIA</b>
<b>KELAS</b>	
<b>5 UUM</b>	82 %
<b>5 UPM</b>	78%
<b>5 USM</b>	47%
<b>5 UKM</b>	33%
<b>5 UTM</b>	25%

Jadual 3.2 Tahap Pencapaian Bahasa Malaysia Mengikut Kelas

Pengkaji memilih dua kelas pertama untuk membuat rakaman berdasarkan keputusan peperiksaan dan tahap penguasaan Bahasa Malaysia yang tertinggi iaitu 82% dan 78% (5 UUM dan 5 UPM) (lihat Jadual 3.2). Pelajar dari dua kelas ini digunakan sebagai sampel kajian kerana tahap penguasaan bahasa adalah tinggi dan menurut Guru Besar sekolah tersebut mereka mampu berinteraksi dalam Bahasa Malaysia. Justeru, pelajar dari kelas ketiga hingga ke kelas kelima (5 USM, 5 UKM, 5 UTM) tidak dipilih kerana penguasaan Bahasa Malaysia mereka adalah lemah.

### **3.2 Instrumen Kajian**

Instrumen bagi kajian ini merupakan rakaman video interaksi di antara pelajar lelaki dan perempuan serta guru dalam bilik darjah. Cara yang terbaik untuk memperolehi data yang bermutu dan lengkap daripada interaksi bilik darjah adalah dengan merakam interaksi dan melalui pemerhatian yang paling nyata (Labov, 1970). Justeru, pengkaji memilih rakaman video untuk pengumpulan data bagi melaksanakan kajian perbandingan kekerapan

pengambilan giliran dan maklumbalas minima dalam interaksi bilik darjah di antara pelajar lelaki dan perempuan.

Setiap satu rakaman mengambil masa selama 30 minit bagi setiap kelas. Dalam tempoh 30 minit rakaman video yang dibuat di setiap kelas, pengkaji dapat menghimpunkan data yang diperlukan untuk kajian. Jumlah rakaman yang dilakukan adalah 60 minit bagi dua kelas yang dipilih bagi kajian ini (lihat Jadual 3.3).

<b>Kelas</b>	<b>Masa</b>
<b>5 UUM</b>	30 minit
<b>5 UPM</b>	30 minit
<b>Jumlah</b>	<b>60 minit</b>

Jadual 3.3 Jumlah Masa Rakaman Kajian

Data yang dikumpul daripada rakaman video ditranskripsi mengikut konvensi yang dinyatakan dalam Bahagian 3.4 dan kemudiannya dianalisis.

### **3.3 Prosedur Pengumpulan Data Kajian**

Oleh kerana kajian ini dijalankan di sekolah, maka pengkaji harus mendapatkan kebenaran menjalankan kajian daripada Guru Besar sekolah yang dipilih. Surat memohon kebenaran menjalankan kajian daripada pihak Fakulti Bahasa dan Linguistik diberikan kepada pihak sekolah untuk mendapatkan kebenaran tersebut (lihat Lampiran 4). Apabila kebenaran untuk menjalankan kajian diperolehi dari pihak pengurusan sekolah, pengkaji mula memasuki kelas untuk membuat rakaman pengajaran dan pembelajaran.

Penyediaan jadual dapat membantu mengisahkan lagi kajian pengkaji tentang skop kajian ini. Pengambilan giliran dalam interaksi oleh mana-mana pelajar dicatatkan. Situasi yang direkodkan kemudiannya dianalisa mengikut kekerapan gender yang terlibat. Melalui rakaman masalah maklumbalas minima dalam interaksi di bilik darjah dapat dikenalpasti.

### **3.4 Transkripsi**

Pemerolehan data yang tepat memerlukan satu sistem transkripsi yang menitikberatkan pelbagai unsur dalam perbualan. Ini memudahkan bagi memahami keadaan situasi interaksi secara menyeluruh lagi.

Rakaman video yang telah dilakukan kemudiannya ditranskripsi. Transkripsi rakaman interaksi bilik darjah selama 60 minit dilakukan mengikut sistem transkripsi konvensional Jefferson (1978) (lihat Lampiran 1). Data yang diperolehi melalui transkripsi disusun secara sistematik iaitu memberi nombor terhadap pelajar yang berinteraksi mengikut gender seperti P1, P2, L1, L2 dan sebagainya untuk memudahkan proses analisis.

### **3.5 Metod Kajian**

Analisis data dibuat dengan menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu rakaman video untuk melihat kekerapan pengambilan giliran dan maklumbalas minima. Jumlah kekerapan pengambilan giliran dan jumlah kekerapan maklumbalas di antara gender digunakan untuk menyokong dapatan kajian. Pendekatan ini juga digunakan sebagai dasar huraian data dengan membuat penghitungan data yang didapati. Walaupun begitu, bilangan jumlah kekerapan digunakan untuk kajian ini hanya memerlukan pengiraan yang mudah dan ringkas bagi mendapatkan perbezaan atau

persamaan kekerapan pengambilan giliran dan maklumbalas minima dalam interaksi yang dilakukan oleh pelajar lelaki dan perempuan.

Melihat kepada kekerapan pengambilan giliran dan maklumbalas minima oleh mana-mana gender pelajar, hasil kajian dapat menjustifikasikan fenomena pengambilan giliran dan maklumbalas minima di antara pelajar lelaki dan perempuan dengan lebih jelas lagi mengikut konteks interaksi dalam bilik darjah seperti ini.

Pemilihan kaedah serta ruang lingkup kajian amat perlu bagi menepati objektif kajian ini. Selain itu, sebelum memulakan sesuatu kajian, persiapan awal harus dilakukan terutamanya perancangan untuk menjalankan kajian. Dengan adanya perancangan yang rapi, setiap peringkat kajian dapat dijalankan mengikut jadual dan dapat disempurnakan pada masa yang telah ditetapkan. Untuk itu, dapatan atau hasil kajian menjadi lebih asli dan sahih terutamanya apabila dikaitkan dengan kajian lepas. Dengan pemilihan kaedah yang sesuai, pengkaji dapat mengupas isu pengambilan giliran dan maklumbalas minima dalam interaksi bilik darjah yang berkaitan dengan gender.

## **BAB 4**

### **ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

#### **4.0 Pendahuluan**

Bab ini membincangkan pemerolehan data yang berdasarkan rakaman video yang telah dilakukan. Fokus kajian ini adalah tertumpu kepada pengambilan giliran dan maklumbalas minima di antara gender dalam interaksi bilik darjah. Seperti yang telah dinyatakan dalam Bab 3, penggabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif telah banyak membantu pengkaji dalam penganalisan data dan pemerolehan maklumat sepanjang kajian ini. Oleh itu, penganalisan terhadap data dapat dilakukan dengan lebih komprehensif.

#### **4.1 Analisis Maklumbalas Minima dalam Interaksi Bilik Darjah**

Berdasarkan data yang telah dikumpul melalui rakaman, didapati pelajar kerap menggunakan maklumbalas minima dalam interaksi bilik darjah. Analisis kajian mendapati bahawa penutur menggunakan maklumbalas minima dari segi empat aspek berikut iaitu:

- i. Mengambil masa untuk berfikir
- ii. Menunjukkan minat terhadap topik perbincangan
- iii. Memberi sokongan terhadap topik perbincangan
- iv. Menunjukkan kefahaman dan mengikuti perbincangan

Setiap aspek maklumbalas minima ini dibincangkan dalam bahagian yang berikut.



#### 4.1.1 Penggunaan Maklumbalas Minima untuk Berfikir

Analisis data menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan sering menggunakan maklumbalas minima untuk berfikir. Ekstrak 1 dan 2 menunjukkan pelajar Tahun 5 dari dua kelas menggunakan maklumbalas minima untuk mengambil masa dan berfikir dalam interaksi bilik darjah.

##### Ekstrak 1 (Transkripsi 1: 5 UUM)

- [...]
- ⇒ 20. L6 : (*tidak angkat tangan*)(....) [telefon bimbit]  
21. P3 : (*angkat tangan*) **mmm...hmmm** ...  
22. L7 : (*tidak angkat tangan*)  
cikgu saya/ telefon (....)
23. G : Tunggu Kartik/ Asha jawab dulu//  
24. P3 : mmm.../ telefon bimbit/
- [...]
- ⇒ 26. P4 : (*angkat tangan*) **hmmm...hmmm**/  
27. L8 : Cikgu:cikgu:  
28. G : Tunggu dulu Rajendran dengar apa yang kata oleh Durga/ Durga  
kamu jawab//  
29. P4 : **mmm...**/ kita gunakan syiling untuk menggunakan telefon awam/  
manakala telefon bimbit tidak perlukan syiling//

Dalam Ekstrak 1, pelajar P3 menggunakan maklumbalas minima /mmm/ dan /hmmm/ beberapa seketika untuk berfikir sebelum memberi jawapan kepada guru. Tetapi pelajar L7 telah mencelah pelajar P3 dan memberi jawapan dengan cepat. Pelajar P3 tersebut berhenti memberi jawapan dan hilang gilirannya setelah L7 mencelah. Guru menegur pelajar L7 dan memberi peluang kepada pelajar P3 untuk meneruskan ujaran beliau. Ini menunjukkan pelajar P3 tersebut menggunakan maklumbalas minima iaitu /mmm/ yang panjang untuk berfikir jawapan dan memastikan jawapannya adalah betul (lihat 21 Eks.1).

Pelajar P4 juga menggunakan maklumbalas minima /hmm...hmm/ seketika untuk berfikir sebelum memberi jawapan kepada guru. Tetapi pelajar L8 telah mencelah pelajar P4

dengan tidak mengangkat tangan dan cuba memberi jawapannya dengan mengambil giliran secara sendiri. Pada masa itu P4 tersebut berhenti memberi jawapan dan hilang gilirannya setelah L8 mencelah. Guru menegur pelajar L8 dan memberi peluang kepada pelajar P4 untuk meneruskan ujaran beliau. Ini menunjukkan pelajar P4 tersebut menggunakan maklumbalas minima /mmm/ dan berhenti seketika untuk berfikir dan memastikan jawapan yang diberi itu betul manakala pelajar L8 mengganggu P4 dengan mencelah (lihat 26 Eks.1).

### Ekstrak 2 (Transkripsi 2: 5 UPM)

- [...]
- ⇒ 12. L4 : **mmm...tak tahu//**  
 13. G : Tengok/ lain kali/ dengar arahan cikgu dulu// sekarang perhatikan muka surat 43// kelas apa yang anda lihat dalam muka surat itu?//  
 14. P1 : (angkat tangan) saya tahu cikgu:/ tempat berkelah/
- [...]
19. G : Baik/ siapa boleh memberitahu tempat pelancongan yang anda pernah melawat?//
- ⇒ 20. P3 : (angkat tangan) **hmmm...**  
 21. L5 : (Tidak angkat tangan) cikgu: Batu Caves, Langkawi, Genting
22. G : Avinash, kalau nak jawab angkat tangan/ lain kali cikgu denda kamu. Kamala tolong beritahu cikgu tempat pelancongan yang kamu pernah melawat//
- ⇒ 23. P3 : **hmmm...** Kuala Lumpur  
 24. P4 : (angkat tangan) cikgu/ saya pun pernah pergi ke Kuala Lumpur//
- [...]
- ⇒ 44. L5 : **mmm... (xxx)** (Avinash terdiam)  
 45. G : Tahukah Avinash?//
- ⇒ 46. L5 : Taman Burung// **mmm.... KLCC// mmm.... Muzium://**  
 47. G : Baik/ duduk/ lain kali kalau nak jawab angkat tangan dan jawab//
- [...]
- ⇒ 56. P8 : **hmmm...**jaga tempat pelancongan//  
 57. G : Betul/ kita kena jaga tempat pelancongan/ lagi....  
 ⇒ 58. P8 : **hmmm...**(Meera senyap)

Dalam Ekstrak 2, pelajar L4 menggunakan maklumbalas minima /mmm/ seketika dan memberi jawapan tak tahu. Ini adalah kerana guru tegas dan menegur L4 sebelum beliau mula bercakap kerana beliau telah mencelah guru semasa memberi arahan kepada pelajar. Perkara ini menyebabkan L4 menggunakan maklumbalas minima /mmm/ untuk menunjukkan beliau teragak-agak berfikir untuk memberi jawapan dan memberitahu 'tak tahu' untuk menarik diri dari perbincangan tersebut kerana ketakutan (lihat 12 Eks.2).

Selain itu, pelajar P3 mengangkat tangan dan menggunakan maklumbalas minima untuk berfikir dan memberi jawapan kepada guru tetapi beliau dicelah oleh pelajar L5. Guru menegur L5 dan memberi peluang kepada P3 untuk meneruskan ujarannya. Tetapi P3 masih menggunakan maklumbalas minima /hmmm/ untuk berfikir seketika kerana beliau memastikan jawapan yang diberi itu betul (lihat 20 dan 23 Eks.2).

Pelajar L5 menggunakan maklumbalas minima /mmm/ untuk berfikir dan memberi jawapan kepada soalan guru. Tetapi beliau menyebut sesuatu ujaran yang tidak jelas dan berhenti memberi jawapan. Pada masa yang sama, guru mencelah beliau dan menyoal sekali lagi untuk mendapatkan jawapan yang jelas. Selepas disoal oleh guru, L5 memberi jawapan iaitu 'Taman Burung' dan menggunakan maklumbalas minima /mmm/ untuk berfikir jawapan seterusnya. Selepas berfikir dengan menggunakan maklumbalas minima /mmm/ beliau memberi jawapan KLCC. Selepas itu, sekali lagi beliau menggunakan maklumbalas minima /mmm/ untuk berfikir jawapan seterusnya dan menyebut Muzium. Keadaan ini menunjukkan L5 menggunakan maklumbalas minima sebanyak tiga kali untuk berfikir dan memberi jawapan kepada guru. Beliau takut kerana, jika jawapan yang diberinya salah guru tidak memberi peluang untuk duduk (lihat 44 dan 46 Eks.2).

Pelajar P8 juga mengangkat tangan dan menggunakan maklumbalas minima /mmm/ dan /hmmm/ untuk berfikir dan berhenti seketika untuk memberi jawapan kepada guru, tetapi

beliau dicelah oleh L9. Guru menegur L9 dan memberi peluang kepada P8 untuk meneruskan ujarannya. Tetapi P3 masih menggunakan maklumbalas minima /hmmm/ untuk berfikir dan memastikan jawapan yang diberi itu betul. Sekali lagi, guru menyoal P8 untuk mendapat jawapan seterusnya. P8 masih menggunakan maklumbalas minima /hmmm/ dan terus senyap. Ini menunjukkan pelajar P8 tersebut berhenti seketika dengan menggunakan maklumbalas minima untuk berfikir jawapan (lihat 56 dan 58 Eks.2).

#### 4.1.2 Penggunaan Maklumbalas Minima untuk Menunjukkan Minat

Selain berfikir, analisis data menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan sering menggunakan maklumbalas minima untuk menunjukkan minat dalam interaksi bilik darjah. Ekstrak 3 dan 4 menunjukkan pelajar Tahun 5 dari dua kelas menggunakan maklumbalas minima untuk menunjukkan minat dalam interaksi bilik darjah.

##### Ekstrak 3 (Transkripsi 1: 5 UUM)

[...]  
23. G : Tunggu Kartik/ Asha jawab dulu//  
⇒ 24. P3 : **mm...**/ telefon bimbit/  
25. G : Ya/ betul/ telefon bimbit/ murid-murid apakah perbezaan di antara kedua-dua telefon tersebut?

[...]  
⇒ 29. P4 : **mm...**/ kita gunakan syiling untuk menggunakan telefon awam/ manakala telefon bimbit tidak perlukan syiling//  
30. G : kelas/ berapa kali cikgu dah kata/ angkat tangan untuk beri jawapan// betulkah/ jawapan yang diberi oleh Durga?//  
31. L9 : mm...betul cikgu://  
32. SP : Ya: betul/

[...]  
73. G : Ya/ betul//  
⇒ 74. P10 : (angkat tangan) **mm....** digunakan untuk menyampaikan mesej yang penting kepada rakan//  
75. G : Ya/ betul Ashawani/ telefon bimbit digunakan pada waktu kecemasan/ untuk menyampaikan mesej yang penting/ dan juga mudah untuk digunakan/

Dalam Ekstrak 3, P3 dan P4 memberi maklumbalas minima /mm/ dengan nada suara yang kuat dan cepat untuk menunjukkan minat terhadap topik yang sedang diperbualkan dengan memberi jawapan yang betul. Pelajar P3 menggunakan maklumbalas minima /mm/ dengan cepat untuk memberi jawapan yang beliau fikirkan (lihat 24 Eks.3).

Manakala, P4 pula meneruskan perbincangan selepas memberi maklumbalas minima /mm/ dengan lebih penekanan dan gerak-geri muka beliau menunjukkan beliau berminat terhadap topik perbincangan yang sedang berlangsung. Beliau memberi pandangannya sendiri tentang penggunaan telefon bimbit yang tidak memerlukan syiling dan sebaliknya bagi penggunaan telefon awam dan ingin mengembangkan isu perbincangan mereka (lihat 29 Eks.3).

Pelajar P10 menggunakan maklumbalas minima /mm/ dengan cepat untuk menunjukkan minat beliau terhadap topik perbincangannya dan menjelaskan tentang kebaikan telefon bimbit kepada guru. Beliau memberitahu bahawa telefon bimbit digunakan untuk menyampaikan mesej yang penting kepada rakan. Oleh kerana beliau berminat terhadap topik perbincangan beliau menggunakan maklumbalas minima /mm/ untuk menjelaskan tentang kebaikan telefon bimbit (lihat 74 Eks.3).

Analisis kajian ini menunjukkan bahawa pelajar P3, P4 dan P10 berminat dalam perbincangan yang sedang dijalankan di bilik darjah dan mereka menggunakan maklumbalas minima dalam ucapan mereka untuk memberi penerangan tentang topik perbincangan.

#### **Ekstrak 4 (Transkripsi 2: 5 UPM)**

- [...]
- ⇒ 15. G : Ya/ betul/ Mageswari apa jawapan anda?//  
16. P2 : **mm...** mungkin/ tempat pelancongan/  
17. G : Ya betul, tempat berkelah dan tempat pelancongan adalah sama//  
hari ini kita nak belajar tentang/ tempat pelancongan// Selvan lain

- kali dengar dulu apa yang cikgu cakap sebelum bagi jawapan /  
bolehkah Selvan?//
18. L4 : Boleh cikgu://
- [...]
26. L6 : [Kuala Lumpur/ dekat mana?//]
- ⇒ 27. P4 : Batu Caves/ **mm...**Kuil(xxx)/ Thaipusam//
28. G : *ok*/ sudahlah/ siapa lagi yang pernah melancong ke Batu Caves?/  
angkat tangan//
- [...]
59. G : Baik/ siapa boleh tolong Meera?//
- ⇒ 60. P9 : (angkat tangan) **mm...**kita harus menjaga keindahan tempat  
pelancongan supaya sentiasa bersih/ kerana pelancong asing suka  
tempat yang bersih//
61. G : Betul/ tahniah// beri tepukan kepada Ramyah// kelas apa akan  
berlaku jika kita tidak menjaga tempat pelancongan?

Dalam Ekstrak 4, pelajar P2 memberi maklumbalas minima /mm/ dengan cepat dan beri penekanan yang tinggi untuk menunjukkan minat beliau terhadap perbincangan yang sedang dijalankan. Guru menyoal beliau tentang perkara yang dilihat oleh beliau dalam buku teks. Beliau menggunakan maklumbalas minima /mm/ dengan gerak-geri muka yang gembira dan memberitahu ‘mungkin tempat pelancongan’. Menurut rakaman video, gerak-geri muka (*facial expression*) beliau menunjukkan beliau berminat terhadap topik perbincangan yang sedang dijalankan dalam bilik darjah. Ini menunjukkan beliau berminat dan peka terhadap topik yang sedang dibincangkan oleh guru (lihat 16 Eks.4).

Sementara itu, pelajar P4 pula memberitahu kepada L7 tentang tempat yang beliau pernah melawat di Kuala Lumpur iaitu Batu Caves. P4 menggunakan maklumbalas minima /mm/ dengan lebih penekanan dan diikuti dengan penjelasan yang berkaitan dengan Batu Caves iaitu ‘kuil’ tempat yang boleh bersembahyang dan ‘Thaipusam’ tempat meraikan Thaipusam untuk memberi penjelasan yang meluas terhadap Batu Caves kepada L7 secara terperinci. Semasa menjelaskan tempat yang dilawati oleh beliau kepada kawannya gerak-

geri muka P4 terlalu gembira. Ini menunjukkan P4 berminat terhadap topik yang sedang diperbualkan iaitu Batu Caves yang sering dikunjungi oleh pelancong (lihat 27 Eks.4).

Selain itu, pelajar P9 mengangkat tangan dan menggunakan maklumbalas minima /mm/ dengan nada suara yang tinggi dan terus menjelaskan tentang kepentingan menjaga keindahan tempat pelancongan untuk menolong kawannya yang sedang berfikir jawapan bagi soalan guru. Beliau memberitahu bahawa kita harus menjaga tempat pelancongan supaya ia sentiasa bersih dan dapat menarik pelancong asing. Ini menunjukkan P9 menggunakan maklumbalas minima untuk menunjukkan minat terhadap topik perbincangan dan berpengetahuan tentang tempat pelancongan (lihat 60 Eks.4).

Analisis kajian ini menunjukkan bahawa pelajar P2, P4 dan P9 berminat dalam perbincangan yang dijalankan di bilik darjah. Mereka menggunakan maklumbalas minima dalam ujaran mereka nada suara yang tinggi diikuti dengan pendapat mereka dan gerak-geri muka yang gembira dan berminat untuk memberi penerangan tentang topik perbincangan.

#### **4.1.3 Penggunaan Maklumbalas Minima untuk Memberi Sokongan**

Analisis data menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan sering menggunakan maklumbalas minima untuk memberi sokongan dalam interaksi bilik darjah. Ekstrak 5 dan 6 menunjukkan pelajar Tahun 5 dari dua kelas menggunakan maklumbalas minima untuk memberi sokongan dalam interaksi bilik darjah.

##### **Ekstrak 5 (Transkripsi 1: 5 UUM)**

[...]  
30. G : kelas/ berapa kali cikgu dah kata/ angkat tangan untuk beri jawapan// betulkah/ jawapan yang diberi oleh Durga?//  
⇒ 31. L9 : mm...betul cikgu:/

- [...]  
 36. G : Nivashini pernah guna duit syiling untuk buat panggilan dengan telefon awam?//  
 ⇒ 37. P5 : (angkat tangan) **(mengangguk kepala) ya/**
- [...]  
 ⇒ 48. P6 : (angkat tangan) **(mengangguk kepala) ya/ betul/**  
 49. G : Ravi/ angkat tangan dulu!/  
 50. L12 : Saya pun sama/ cikgu  
 ⇒ 51. L5 : **mm...**saya pun//(xxx)  
 52. G : Ya/ betul/ kedua-dua telefon tersebut digunakan untuk berkomunikasi// Muniswari apakah jawapan anda?//
- [...]  
 ⇒ 63. G : Betulkah?//  
 ⇒ 64. P8 : (angkat tangan) **mm...**/ya/ betul/  
 65. L10 : Tidak cikgu:/ bateri akan menjadi panas cikgu/  
 66. G : Apa/ bateri menjadi panas/ betulkah kelas?//  
 67. L10 : Betul tu cikgu/ telefon bapa saya selalu habis bateri//  
 ⇒ 68. P9 : (angkat tangan) **mm...**/ ya/ cikgu/
- [...]  
 ⇒ 77. P11 : (angkat tangan) **mm...**ya/ betul/(xxx)  
 78. G : Betul/ anda semua faham tak topik kita hari ini?

Dalam Ekstrak 5, didapati pelajar memberi maklumbalas minima verbal dan bukan verbal untuk memberi sokongan terhadap topik perbincangan yang sedang dijalankan. Contohnya, pelajar L9 memberi maklumbalas minima /mm/ dan diikuti dengan ujaran ‘betul cikgu’ untuk memberi sokongan terhadap jawapan yang diberi oleh pelajar P4 iaitu tidak perlu menggunakan syiling untuk membuat panggilan melalui telefon bimbit. Ini menunjukkan L9 memberi sokongan terhadap perbincangan tentang telefon bimbit dengan menggunakan maklumbalas minima (lihat 31 Eks.5).

Pelajar P5 dan P6 menggunakan maklumbalas bukan verbal iaitu mengangguk kepala untuk memberi tanda sokongan terhadap perbincangan yang dijalankan. Pelajar P5 mengangkat tangan dan mengangguk kepalanya untuk memberitahu /ya/, beliau pernah guna duit syiling untuk membuat panggilan dengan telefon awam. Pelajar P6 mengangkat tangan dan mengangguk kepalanya dengan memberitahu ‘/ya/ betul’ untuk memberi



sokongan terhadap jawapan yang diberikan oleh L4 iaitu telefon digunakan untuk bercakap dengan kawan. Sehubungan itu, maklumbalas minima bukan verbal ini berfungsi sebagai tanda sokongan dan memberi persetujuan mereka terhadap perbincangan (lihat 37 & 48 Eks.5).

Pelajar L5, menggunakan maklumbalas minima /mm/ diikuti dengan 'saya pun' menunjukkan beliau memberi sokongan kepada pendapat L12 yang mengatakan beliau menggunakan telefon untuk bercakap dengan kawan. Ini menunjukkan L5 memberi sokongan terhadap pendapat L12 tentang kegunaan telefon bimbit dengan menggunakan maklumbalas minima (lihat 51 Eks.5).

Selain itu, pelajar P8 mengangkat tangan dan memberitahu '/ya/ betul' terhadap pendapat pelajar P7 yang memberitahu bahawa jika kita menggunakan telefon bimbit terlalu lama, ia cepat akan menjadi rosak. Ini menunjukkan P8 memberi sokongan kepada pendapat P7 tentang cara penjagaan telefon bimbit dengan menggunakan maklumbalas minima (lihat 64 Eks.5).

Pelajar P9, menggunakan maklumbalas minima /mm/ diikuti dengan '/ya/ cikgu' menunjukkan beliau memberi sokongan terhadap pendapat pelajar L10 yang mengatakan bahawa jika menggunakan telefon bimbit terlalu lama baterinya akan habis cepat. Ini menunjukkan P9 memberi sokongan terhadap pendapat L10 tentang cara penggunaan telefon bimbit dengan menggunakan maklumbalas minima (lihat 68 Eks.5).

Pelajar P11, menggunakan maklumbalas minima /mm/ diikuti dengan '/ya/ betul' menunjukkan beliau memberi sokongan terhadap pendapat L12 yang mengatakan bahawa jika telefon bimbit mudah untuk dibawa ke semua tempat. Ini menunjukkan P11 memberi

sokongan terhadap pendapat L12 tentang keistimewaan telefon bimbit dengan menggunakan maklumbalas minima (lihat 77 Eks.5).

Analisis kajian ini menunjukkan bahawa pelajar L5, L9, P5, P6, P8, P9 dan P11 memberi sokongan terhadap pendapat penutur sebelumnya dengan menggunakan maklumbalas minima verbal dan bukan verbal.

#### Ekstrak 6 (Transkripsi 2: 5 UPM)

- [...]
61. G :Betul/ tahniah// beri tepukan kepada Ramyah// kelas apa akan berlaku jika kita tidak menjaga tempat pelancongan?
62. L10 : Tempat menjadi kotor dan busuk/ nanti orang takan melawat//
- ⇒ 63. P9 : **(mengangguk kepala) ya.../ betul//**

Dalam Ekstrak 6, didapati pelajar memberi maklumbalas minima bukan verbal untuk memberi sokongan terhadap topik perbincangan yang sedang dijalankan. Contohnya, pelajar P9 memberi maklumbalas minima bukan verbal dengan mengangguk kepala dan memberitahu ‘/ya/ betul’ untuk memberi sokongan terhadap jawapan yang diberi oleh pelajar L10 iaitu tempat pelancongan akan menjadi kotor dan berbau busuk jika kita tidak menjaganya dan pelancong tidak suka melawat tempat yang kotor. Ini menunjukkan P9 memberi sokongan terhadap pendapat L10 tentang kebersihan tempat pelancongan dengan menggunakan maklumbalas minima. Ini menunjukkan maklumbalas minima berfungsi sebagai tanda sokongan dan memberi persetujuan mereka terhadap perbincangan (lihat 63 Eks.6).

Analisis kajian ini menunjukkan bahawa pelajar P9 memberi sokongan terhadap pendapat penutur sebelumnya dengan menggunakan maklumbalas minima bukan verbal.

#### 4.1.4 Penggunaan Maklumbalas Minima untuk Menunjukkan Kefahaman

Selain berfikir, menunjukkan minat dan memberi sokongan analisis data juga menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan sering menggunakan maklumbalas minima untuk menunjukkan kefahaman mereka terhadap topik perbincangan dalam interaksi bilik darjah. Ekstrak 7 dan 8 menunjukkan pelajar Tahun 5 dari dua kelas menggunakan maklumbalas minima untuk menunjukkan kefahaman dalam interaksi bilik darjah.

##### Ekstrak 7 (Transkripsi 1: 5 UUM)

- ⇒ [...] 31. L9 : **mm...**betul cikgu://  
32. SP : Ya: betul//  
33. G : Ya/ kita gunakan duit syiling untuk guna telefon awam//  
34. L10 : └ Cikgu saya: cikgu saya pernah guna duit syiling//  
35. L11 : [Cikgu: saya pun guna duit syiling untuk membuat panggilan//]  
36. G : Nivashini pernah guna duit syiling untuk buat panggilan dengan telefon awam?//  
⇒ 37. P5 : (angkat tangan) (**mengangguk kepala**) ya://
- ⇒ [...] 48. P6 : (angkat tangan) (**mengangguk kepala**) ya/ betul/  
49. G : Ravi/ angkat tangan dulu!//  
50. L12 : └ Saya pun sama/ cikgu  
⇒ 51. L5 : **mm...**saya pun//(xxx)  
52. G : Ya/ betul/ kedua-dua telefon tersebut digunakan untuk berkomunikasi// Muniswari apakah jawapan anda?//
- [...] 63. G : Betulkah?//  
⇒ 64. P8 : (angkat tangan) **mm...**/ ya/ betul/  
65. L10 : Tidak cikgu:/ bateri akan menjadi panas cikgu/  
66. G : Apa/ bateri menjadi panas/ betulkah kelas?//  
67. L10 : Betul tu cikgu/ telefon bapa saya selalu habis bateri//  
⇒ 68. P9 : (angkat tangan) **mm...**/ ya/ cikgu/  
69. G : Oh/ ya/ kah// baik/ apakah kebaikan telefon bimbit?//
- [...] 76. L12 : Senang bawa cikgu:/  
⇒ 77. P11 : (angkat tangan) **mm....**ya/ betul/(xxx)  
78. G : Betul/ anda semua faham tak topik kita hari ini?  
79. SP : Faham cikgu:/

Dalam Ekstrak 7, didapati pelajar memberi maklumbalas minima untuk menunjukkan kefahaman terhadap topik perbincangan yang sedang dijalankan. Contohnya, pelajar L9 memberi maklumbalas minima /mm/ dan memberitahu 'betul cikgu' untuk menunjukkan kefahaman beliau terhadap topik perbincangan iaitu tidak perlu menggunakan duit syiling untuk membuat panggilan melalui telefon bimbit. Ini menunjukkan L9 memahami perkara yang diberitahu oleh P4 tentang penggunaan telefon bimbit dengan menggunakan maklumbalas minima (lihat 31 Eks.7).

Di samping itu, pelajar P5 dan P6 menggunakan maklumbalas bukan verbal iaitu mengangguk kepala untuk menunjukkan kefahaman terhadap topik perbincangan yang dijalankan. Pelajar P5 mengangkat tangan dan mengangguk kepalanya untuk memberitahu /ya/, beliau pernah menggunakan duit syiling untuk membuat panggilan dengan telefon awam. Pelajar P6 pula, mengangkat tangan dan mengangguk kepalanya dengan memberitahu '/ya/ betul' untuk menunjukkan kefahaman beliau tentang penggunaan telefon adalah untuk bercakap dengan kawan yang disebut oleh L4. Ini menunjukkan kedua-dua pelajar P5 dan P6 memahami perkara yang sedang dibincangkan dalam bilik darjah. Sehubungan itu, maklumbalas minima bukan verbal ini juga berfungsi untuk menunjukkan kefahaman pelajar dalam interaksi bilik darjah (lihat 37 dan 48 Eks.7).

Pelajar L5 pula menggunakan maklumbalas minima /mm/ diikuti dengan 'saya pun' untuk menunjukkan beliau memahami pendapat L12 yang mengatakan beliau menggunakan telefon untuk bercakap dengan kawan dan memahami tentang kegunaan telefon bimbit dengan menggunakan maklumbalas minima (lihat 51 Eks.7).

Selain itu, pelajar P8 mengangkat tangan dan memberitahu '/ya/ betul' terhadap pendapat P7 yang memberitahu bahawa jika kita menggunakan telefon bimbit terlalu lama, ia akan

cepat menjadi rusak. Ini menunjukkan P8 memahami pendapat P7 tentang cara penjagaan telefon bimbit dengan menggunakan maklumbalas minima (lihat 64 Eks.7).

Pelajar P9, menggunakan maklumbalas minima /mm/ diikuti dengan ‘/ya/ cikgu’ menunjukkan beliau memahami pendapat L10 yang mengatakan bahawa jika menggunakan telefon bimbit terlalu lama baterinya akan habis cepat. Ini menunjukkan P9 memahami perkara yang dibincangkan tentang cara penjagaan telefon bimbit dengan menggunakan maklumbalas minima (lihat 68 Eks.7).

Pelajar P11, menggunakan maklumbalas minima /mm/ diikuti dengan ‘/ya/ betul’ menunjukkan beliau memahami pendapat L12 yang mengatakan bahawa telefon bimbit mudah untuk dibawa ke semua tempat. Ini menunjukkan P11 memahami perkara yang disebut oleh L12 tentang keistimewaan telefon bimbit dengan menggunakan maklumbalas minima (lihat 77 Eks.7).

Analisis kajian ini menunjukkan bahawa pelajar L5, L9, P5, P6, P8, P9 dan P11 menggunakan maklumbalas minima untuk menunjukkan kefahaman mereka terhadap pendapat penutur sebelumnya dan topik perbincangan yang sedang berlangsung.

## Ekstrak 8 (Transkripsi 2: 5 UPM)

- [...]  
41. G : Avinash/ kalau kamu nak duduk/ cuba jawab soalan cikgu dengan betul/  
⇒ 42. L5 : **(mengangguk kepala) ya...** cikgu://  
43. G : Menurut petikan itu/ senaraikan 3 tempat pelancongan yang terdapat di Malaysia//
- [...]  
⇒ 63. P9 : **(mengangguk kepala) ya...** / betul//  
64. G : Kelas/ apa yang diberitahu oleh Sargunan adalah betul// sekiranya kita tidak menjaga dan memelihara tempat pelancongan/ sudah pasti tempat tersebut menjadi kotor dan keadaannya pula terbiar/ pelancong tidak berminat melawat tempa tersebut// secara tidak langsung/ pendapatan negara menerusi sektor pelancongan akan berkurang/faham tak murid-murid?//

Dalam Ekstrak 8, didapati pelajar memberi maklumbalas minima bukan verbal untuk menunjukkan kefahaman terhadap arahan yang diberi oleh guru dan topik perbincangan yang sedang dijalankan. Contohnya, pelajar L5 memberi maklumbalas minima bukan verbal dengan mengangguk kepala dan memberitahu ‘/ya/ cikgu’ untuk menunjukkan beliau faham arahan yang dikatakan oleh guru iaitu beliau perlu menjawab soalan guru sebagai denda kerana mengganggu aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sedang berlangsung dengan mencelah ujaran penutur lain dengan tidak mengangkat tangan. Ini menunjukkan L5 menggunakan maklumbalas minima /ya/ untuk menunjukkan kefahaman beliau terhadap arahan guru (lihat 42 Eks.8).

Selain itu, pelajar P9 juga menggunakan maklumbalas minima ‘/ya/ betul’ terhadap jawapan yang diberi oleh pelajar L10 iaitu tempat pelancongan akan menjadi kotor dan berbau busuk jika kita tidak menjaganya dan pelancong tidak suka melawat tempat yang kotor. Dalam konteks ini, P9 memahami perkara yang disebut oleh L10 tentang kebersihan tempat pelancongan dengan menggunakan maklumbalas minima /ya/. Ini menunjukkan maklumbalas minima berfungsi sebagai tanda kefahaman terhadap perbincangan (lihat 63 Eks.8).

Sehubungan itu, analisis kajian ini menunjukkan bahawa pelajar L5 dan P9 menggunakan maklumbalas minima untuk menunjukkan kefahaman mereka terhadap pendapat penutur sebelumnya dan topik perbincangan yang sedang berlangsung.

#### 4.2 Analisis Perbezaan Maklumbalas Minima di antara Gender

Analisis kajian mendapati bahawa pelajar lelaki dan perempuan menggunakan maklumbalas minima secara berbeza. Ada perbezaan dalam penggunaan maklumbalas minima di antara pelajar lelaki dan perempuan di setiap kelas yang dipilih. Analisis secara keseluruhan terhadap perbezaan dalam maklumbalas minima di kalangan pelajar dari dua kelas yang terlibat dalam interaksi bilik darjah ini dapat dilihat dalam Jadual 4.1

KELAS	KEKERAPAN MAKLUMBALAS MINIMA	
	Pelajar Lelaki	Pelajar perempuan
5 UUM	4	15
5 UPM	4	9
Jumlah	8	24

Jadual 4.1 Perbezaan Kekerapan Penggunaan Maklumbalas Minima di antara Pelajar Lelaki dan Perempuan

Jadual 4.1 menunjukkan pelajar perempuan mencatatkan jumlah penggunaan maklumbalas minima yang tinggi iaitu sebanyak 24 kali berbanding pelajar lelaki lapan kali sahaja. Ini adalah kerana pelajar perempuan bertindak sebagai pelincir, penyokong dan pendorong dalam interaksi bilik darjah.

#### 4.2.1 Jenis-jenis Maklumbalas Minima di antara Gender

Analisis kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa jenis maklumbalas minima yang digunakan oleh pelajar lelaki dan perempuan dalam interaksi bilik darjah. Kekerapan penggunaan pelbagai jenis maklumbalas minima yang digunakan oleh pelajar lelaki dan perempuan dapat dilihat dalam Jadual 4.2.

<b>Bil</b>	<b>Jenis-jenis Maklumbalas Minima</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Perempuan</b>
1	Fikir /hmm/ /hmm...hmm/ /mmm/	3	6
2	Minat /mm/	0	6
3	Sokong Mengangguk kepala /ya/ /mm/	2	6
4	Kefahaman /mm/ betul /ya/ betul	3	6
	<b>Jumlah</b>	<b>8</b>	<b>24</b>

Jadual 4.2 Penggunaan Pelbagai Jenis Maklumbalas Minima di antara Pelajar Lelaki dan Perempuan

Jadual 4.2 menunjukkan pelajar perempuan menggunakan maklumbalas minima sebanyak enam kali untuk berfikir sebaliknya pelajar lelaki hanya tiga kali sahaja. Ini menunjukkan pelajar perempuan berfikir lebih lama dengan menggunakan maklumbalas minima untuk memberi jawapan atau ujaran mereka berbanding pelajar lelaki. Pelajar perempuan menggunakan maklumbalas minima sebanyak enam kali untuk menunjukkan minat terhadap perbincangan dan enam kali untuk menunjukkan tanda sokongan terhadap perbincangan. Ini adalah kerana pelajar perempuan lebih berminat dalam topik perbincangan dan memberi sokongan penuh mereka semasa aktiviti pengajaran dan



pembelajaran berlaku. Pelajar lelaki pula didapati menggunakan maklumbalas minima untuk memberi sokongan sebanyak dua kali sahaja. Selain itu, pelajar perempuan didapati menggunakan maklumbalas minima sebanyak enam kali untuk menunjukkan kefahaman mereka terhadap perbincangan. Pelajar lelaki tiga kali sahaja. Keadaan ini menunjukkan pelajar perempuan lebih memahami topik perbincangan dengan memberi maklumbalas minima berbanding dengan pelajar lelaki yang suka memberi pandangan sendiri.

Hasil daripada analisis ini juga menunjukkan bahawa pelajar perempuan kerap menggunakan maklumbalas minima apabila berinteraksi berbanding dengan pelajar lelaki. Ini adalah kerana pelajar perempuan didapati sering memberi sokongan dan memainkan peranan sebagai pendengar yang baik dalam dalam interaksi bilik darjah dengan kerap memberi maklumbalas minima.

### **4.3 Analisis Kekerapan Pengambilan Giliran**

Berdasarkan data yang telah dikumpul, didapati bahawa setiap kelas yang telah dipilih untuk kajian ini telah memperlihatkan perbezaan kekerapan dalam pengambilan giliran di kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Pengkaji juga melihat bagaimana atau samada faktor gender mempengaruhi kekerapan pengambilan giliran dari segi celahan, pertindanan ujaran dan jumlah giliran yang diambil oleh pelajar-pelajar tersebut di dalam interaksi perbualan di bilik darjah.

#### **4.3.1 Perbezaan Kekerapan Pengambilan Giliran di antara Gender**

Secara amnya, kekerapan pengambilan giliran di kalangan pelajar yang terlibat dalam kajian ini telah menunjukkan pembentukan dua pola yang utama, iaitu pembentukan pola yang seimbang dan pola tidak seimbang dari segi jumlah kekerapan pengambilan giliran di kalangan pelajar di antara gender dalam kelas yang sama.

Pembentukan pola yang seimbang dan pola yang tidak seimbang yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah wujudnya pelajar lelaki yang bertindak aktif sepanjang sesi perbincangan, manakala pelajar perempuan pula hanya bercakap dalam keadaan tertentu sahaja. Hal ini, menjadikan pelajar lelaki yang aktif berinteraksi telah mengambil giliran lebih berbanding dengan pelajar perempuan dalam kelas yang sama.

Analisis secara keseluruhan terhadap jumlah kekerapan pengambilan giliran di kalangan pelajar yang terlibat dalam interaksi bilik darjah ini dapat dilihat dalam Jadual 4.3.

<b>KELAS</b>	<b>KEKERAPAN PENGAMBILAN GILIRAN</b>			
	<b>Pelajar Lelaki</b>		<b>Pelajar Perempuan</b>	
	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
	<b>Kekerapan</b>	<b>Kekerapan (%)</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Kekerapan (%)</b>
5 UUM	25	64%	14	36%
5 UPM	22	59%	15	41%
Jumlah	47	62%	29	38%

Jadual 4.3 Kekerapan Pengambilan Giliran dalam Interaksi Bilik Darjah di antara Pelajar Lelaki dan Perempuan

Berdasarkan kepada Jadual 4.3, pelajar lelaki dari kelas 5 UUM telah mencatatkan jumlah kekerapan pengambilan giliran yang tinggi iaitu sebanyak 25 kali (64%). Jumlah kekerapan pengambilan giliran oleh pelajar perempuan dari kelas yang sama adalah 14 kali sahaja (36%).

Selain itu, pelajar lelaki dari kelas 5 UPM telah mencatatkan jumlah kekerapan pengambilan giliran sebanyak 22 kali (59%) ini jelas menunjukkan bahawa pelajar lelaki bertindak lebih aktif. Jumlah kekerapan pengambilan giliran oleh pelajar perempuan dari kelas yang sama adalah 15 kali sahaja (41%).

Secara keseluruhan, analisis kajian mendapati pelajar perempuan hanya bertutur apabila guru menyoal mereka ataupun memberi peluang untuk berinteraksi. Pelajar lelaki pula lebih mendominasi interaksi di bilik darjah berbanding dengan pelajar perempuan. Perbezaan kekerapan pengambilan giliran dalam interaksi bilik darjah ini wujud kerana pelajar lelaki lebih aktif dan pelajar perempuan agak pasif.

#### **4.4 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pengambilan Giliran di antara Gender**

Pengkaji juga melihat bagaimana gender mempengaruhi kekerapan pengambilan giliran dari segi faktor celahan dan pertindanan ujaran oleh pelajar lelaki dan perempuan di dalam interaksi perbualan di bilik darjah semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

##### **4.4.1 Analisis Celahan**

Analisis kajian ini menunjukkan bahawa celahan berlaku dalam pengambilan giliran di antara pelajar lelaki dan perempuan semasa berinteraksi di bilik darjah. Suatu ujaran dikira sebagai celahan jika penutur mula bercakap pada tempat yang bukan merupakan titik kemungkinan penyelesaian giliran penutur pertama (Sacks, 1978). Penutur tersebut memulakan ujarannya pada pertengahan giliran penutur pertama dengan niat merampas hak bercakap daripada penutur pertama. (lihat Bab 2, Bahagian 2.6)

## Ekstrak 9 (Transkripsi 1: 5 UUM)

- [...]
15. G : *Ok/ sudahlah tu/ kan cikgu kata/ jangan kacau kawan lain//  
sila lihat gambar yang ada dalam muka surat yang anda buka//  
apakah yang anda lihat pada gambar itu?*
- ⇒ 16. L4 : cikgu/ cikgu: saya  
telefon/ telefon
17. L5 : [telefon cikgu/]
18. P2 : (*angkat tangan*) telefon awam(xxx)
19. G : *Ya/ betul/ gambar telefon awam/ lain kali/ kalau nak jawab angkat  
tangan dan jawab/ jangan jerit macam tadi ok!/ apa yang ada dalam  
gambar kedua?*
20. L6 : (*tidak angkat tangan*)(....) [telefon bimbit]
21. P3 : (*angkat tangan*) mmm...hmmm...
- ⇒ 22. L7 : (*tidak angkat tangan*)  
cikgu saya/telefon (....)
23. G : *Tunggu Kartik/ Asha jawab dulu//*
24. P3 : *mm.../ telefon bimbit/*
25. G : *Ya/ betul/ telefon bimbit/ murid-murid apakah perbezaan di antara  
kedua-dua telefon tersebut?*
- ⇒ 26. P4 : (*angkat tangan*) hmmm...hmmm/
27. L8 : Cikgu:cikgu:
28. G : *Tunggu dulu Rajendran dengar apa yang kata oleh Durga/ Durga  
kamu jawab//*
29. P4 : *mm.../ kita gunakan syiling untuk menggunakan telefon awam/  
manakala telefon bimbit tidak perlukan syiling//*
- [...]
33. G : *Ya/ kita gunakan duit syiling untuk guna telefon  
awam//*
- ⇒ 34. L10 : Cikgu saya: cikgu saya pernah guna duit syiling//
35. L11 : [Cikgu: saya pun guna duit syiling untuk membuat panggilan/]
36. G : *Nivashini pernah guna duit syiling untuk buat panggilan dengan  
telefon awam?//*
37. P5 : (*angkat tangan*) (*mengangguk kepala*) *ya:/*
38. G : *Adakah kita guna syiling untuk membuat panggilan dari  
telefon bimbit?/*
- ⇒ 39. L2 : (*angkat tangan*) cikgu:cikgu: saya guna//
40. G : *Yakah/ Thivagar/ kelas perlukah anda menggunakan syiling untuk  
membuat panggilan dari telefon bimbit?*
41. SP : *Tidak cikgu://*
42. G : *Thivagar fikir dulu/ sebelum bagi jawapan// Ok/ kelas/ sekarang  
baca petikan tentang telefon yang ada dalam buku teks anda.*
- [...]
44. L3 : [(*angkat tangan*) cikgu/ cikgu:/]
45. G : *Tolong dengar kelas/ apakah jawapan anda Ramesh?*
46. L3 : *Kedua – dua telefon digunakan untuk bercakap/  
dengan kawan/*

- ⇒ 47. L4 : Cikgu/ saya: pun gunakan telefon  
untuk bercakap dengan kawan.
48. P6 : (angkat tangan) (mengangguk kepala) ya/ betul/  
49. G : Ravi/ angkat tangan dulu!/  
⇒ 50. L12 : Saya pun sama/ cikgu  
51. L5 : mm...saya pun//(xxx)  
52. G : Ya/ betul/ kedua-dua telefon tersebut digunakan untuk  
berkomunikasi// Muniswari apakah jawapan anda?//  
53. P7 : Cikgu ada butang dalam kedua-dua telefon tersebut//

Dalam Ekstrak 9, didapati pelajar mencelah dan mengambil giliran untuk bertutur semasa penutur pertama sedang bertutur. Contohnya, pelajar L4 mencelah guru semasa guru menyuruh melihat gambar yang terdapat dalam buku teks. Pelajar L4 mencelah guru dengan memberi ujaran 'cikgu, cikgu, saya' dan terus memberi jawapan. Beliau tidak mengangkat tangan dan mendapat giliran daripada guru untuk memberi jawapan. Beliau memilih giliran secara sendiri untuk memberi jawapan kepada guru (lihat 16 Eks.9).

Selain itu, pelajar L4 sekali lagi mencelah ujaran pelajar L3 semasa L3 memberi pandangan beliau kepada guru tentang kegunaan telefon iaitu untuk bercakap dengan kawan. L4 mencelah L3 dan memberitahu beliau juga menggunakan telefon untuk bercakap dengan kawan. Ini menunjukkan L4 merampas giliran L3 dengan memberi pandangannya sendiri sebelum L3 menamatkan ujarannya (lihat 47 Eks.9).

Justeru itu, pelajar L7 mencelah P3 semasa beliau sedang berfikir dengan menggunakan maklumbalas minima /mmm...hmmm/ untuk menjawab soalan guru. L7 mencelah dan mengambil giliran P3 dengan tidak mengangkat tangan dan memberi jawapan kepada guru. Tetapi guru menegur L7 dan memberi peluang kepada P3 untuk meneruskan ujarannya (lihat 22 Eks.9).

Celahan yang sama berlaku di antara pelajar L8 dan pelajar P4. L8 mencelah ujaran P4 dengan memanggil guru semasa P4 sedang berfikir dengan menggunakan maklumbalas

minima /hmmm...hmmm/ untuk memberi jawapan kepada guru. P4 hilang gilirannya selepas dicelah oleh L8. Tetapi guru menegur L8 dan memberi peluang kepada P4 meneruskan ujarannya (lihat 27 Eks.9).

Di samping itu, pelajar L10 juga mencelah ujaran guru semasa guru menjelaskan tentang cara membuat panggilan menggunakan telefon awam. L10 mencelah guru sebelum guru menamatkan ujarannya dengan memberitahu beliau pernah menggunakan syiling untuk membuat panggilan dengan telefon awam. Ini menunjukkan pelajar L10 sendiri mengambil giliran untuk bertutur dengan mencelah penutur pertama (lihat 34 Eks.9).

Pelajar L2 pula mencelah guru semasa guru menyoal tentang perlukah menggunakan syiling untuk membuat panggilan dengan telefon bimbit. L2 tidak mengambil giliran dengan mengangkat tangan tetapi beliau terus mencelah guru dan memberi pendapat yang salah iaitu beliau menggunakan syiling untuk membuat panggilan dengan telefon bimbit. Ini menunjukkan L2 tidak berfikir dan suka mengambil giliran dengan sengaja (lihat 39 Eks.9).

Pelajar L12 mencelah guru semasa guru memberi amaran kepada Ravi (L4) agar mengangkat tangan untuk mengambil giliran. Sebelum guru menamatkan ujarannya, L12 mencelah guru dengan memberi persetujuan terhadap jawapan yang diberikan oleh P6. Ini menunjukkan L12 tidak mendengar amaran guru dan beliau mengambil giliran dengan sendiri (lihat 50 Eks.9).

Analisis ini menunjukkan bahawa pelajar lelaki L2, L4, L7, L8, L10 dan L12 dari kelas 5 UUM kerap mencelah berbanding dengan pelajar perempuan. Pelajar perempuan tidak mencelah manakala hilang giliran kerana pelajar lelaki sering mencelah dan merampas

giliran dalam interaksi bilik darjah semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Selain pelajar perempuan, guru juga turut dicelah oleh pelajar lelaki.

### Ekstrak 10 (Transkripsi 2: 5 UPM)

- [...]
6. G : Baik/ duduk/ nanti hantar buku// sekarang buka buku  
teks muka surat
- ⇒ 7. L2 : Cikgu: cikgu: kerja rumah semalam saya dah siap/
8. L3 : Cikgu: saya pun dah siap/
9. G : Cikgu suruh hantar nanti/ baik// kelas buka muka surat 43// hari ini kita nak belajar tentang
- ⇒ 10. L4 : cikgu: saya/ saya tahu/
11. G : Cikgu belum habis cakap lagi/ kamu tahu apa?/ ok/ apa yang kamu tahu cakap//
12. L4 : mmm...tak tahu//
- [...]
20. P3 : (angkat tangan) hmmm...
- ⇒ 21. L5 : (Tidak angkat tangan) cikgu: Batu Caves, Langkawi, Genting
22. G : Avinash, kalau nak jawab angkat tangan/ lain kali cikgu denda kamu. Kamala tolong beritahu cikgu tempat pelancongan yang kamu pernah melawat//
- [...]
33. G : Di Batu Caveslah/
- ⇒ 34. L5 : Cikgu ada *Murugan silai* (patung) besar/
35. G : Cikgu tak tanya kamu Avinash/ cikgu tanya kepada Agilan. Kenapa kamu jawab/ berdiri sehingga saya beritahu duduk/ baik/ Sheila tolong senaraikan tiga tempat yang menarik di Kuala Lumpur//  
(Sheila, menyenaraikan beberapa tempat pelancongan di papan hitam)

- [...]  
 38. G : Tempat-tempat ini adalah tempat pelancongan yang kita boleh melancong pada masa cuti. *Ok*, cikgu beri 5 minit tolong baca petikan yang terdapat dalam buku teks kamu/ muka surat//
- ⇒ 39. L8 : 46...cikgu:  
 40. G : Ya/ betul/ muka surat 46/ semua baca ya// jangan tak baca pula// nanti cikgu akan tanya soalan//  
 (Semua murid membaca petikan yang terdapat dalam buku teks dan guru menjelaskan petikan tersebut.)

- [...]  
 52. G : Kelas/ apa yang kamu faham tentang petikan tersebut?  
 53. P8 : (angkat tangan) hmm...mmm...Cikgu:  
 ⇒ 54. L9 : saya tahu cikgu:/  
 55. G : Tunggu dulu Navin// Meera ringkaskan apa yang terdapat dalam petikan tersebut.  
 56. P8 : hmm...jaga tempat pelancongan//

- [...]  
 61. G : Betul/ tahniah// beri tepukan kepada Ramyah// kelas apa akan berlaku jika kita tidak menjaga tempat pelancongan?  
 ⇒ 62. L10 : Tempat menjadi kotor dan busuk/ nanti orang takan melawat//  
 63. P9 : (mengangguk kepala) ya.../ betul//  
 64. G : Kelas/ apa yang diberitahu oleh Sargunan adalah betul// sekiranya kita tidak menjaga dan memelihara tempat pelancongan/ sudah pasti tempat tersebut menjadi kotor dan keadaannya pula terbiar/ pelancong tidak berminat melawat tempa tersebut// secara tidak langsung/ pendapatan negara menerusi sektor pelancongan akan berkurang/ faham tak murid-murid?//

Dalam Ekstrak 10, didapati pelajar mencelah dan mengambil giliran untuk bertutur semasa penutur pertama sedang bertutur. Contohnya, pelajar L2 mencelah guru semasa guru menyuruh membuka buku teks. Pelajar L2 mencelah guru dengan memberi ujaran 'cikgu, cikgu' dan memberitahu bahawa beliau telah menyiapkan kerja rumah yang diberi oleh guru. Beliau tidak mengangkat tangan dan mendapat giliran daripada guru untuk bertutur. Beliau memilih giliran secara sendiri untuk bertutur (lihat 7 Eks.10).

Selain itu, pelajar L4 juga mencelah pertuturan guru semasa guru memberi arahan kepada murid. L4 mencelah guru sebelum guru menamatkan ujarannya dengan memberitahu



'cikgu saya tahu'. Tetapi guru menegur L4 kerana guru menganggap L4 sebagai pengganggu dan mencelah sebelum guru menamatkan ujarannya. Guru menyoal L4 tentang perkara yang beliau tahu. L4 memberitahu 'tak tahu' kepada guru kerana mungkin L4 berasa takut terhadap guru. Ini adalah kerana L4 mengambil giliran secara sendiri untuk mendapatkan perhatian guru terhadap beliau (lihat 10 Eks.10).

Di samping itu, pelajar L5 pula, mencelah P3 semasa beliau berfikir dengan memberi maklumbalas minima /hmmm/ untuk menjawab soalan guru. L5 mencelah dan mengambil giliran P3 dengan tidak mengangkat tangan dan memberi jawapan kepada guru iaitu 'Batu Caves, Langkawi dan Genting'. Tetapi guru menegur dan memberi amaran kepada L5 dan memberi peluang kepada P3 untuk meneruskan ujarannya (lihat 21 Eks.10).

Pelajar L5 sekali lagi mencelah pertuturan guru dengan memberitahu jawapan semasa guru menyoal L7. Ini menunjukkan L5 merampas giliran L7 dengan memberi pandangannya sebelum L7 mengambil gilirannya. Guru menegur dan mendenda L5 agar berdiri kerana beliau mencelah lagi selepas diberi amaran (lihat 34 Eks.10).

Pelajar L8 juga mencelah pertuturan guru semasa guru menyuruh murid membaca petikan yang terdapat dalam buku teks. L8 mencelah guru dengan memberitahu 'muka surat 46' kerana guru mencari muka surat tersebut. L8 mencelah untuk membantu guru yang sedang mencari muka surat dalam buku teks (lihat 39 Eks.10).

Pelajar L9 pula, mencelah P9 semasa beliau berfikir dengan memberi maklumbalas minima /hmmm...mmm.../ untuk menjawab soalan guru. L9 mencelah dan mengambil giliran P8 dengan tidak mengangkat tangan dan memberitahu 'saya tahu cikgu' kepada guru. Tetapi guru menegur L9 dan memberi peluang kepada P8 untuk meneruskan ujarannya (lihat 54 Eks.10).

Pelajar L10 mencelah guru semasa guru menyoal tentang kesan negatif yang akan berlaku jika tempat pelancongan tidak dijaga. L10 tidak mengambil giliran dengan mengangkat tangan tetapi beliau terus mencelah guru dan memberi pendapat sendiri iaitu tempat pelancongan akan menjadi kotor, busuk dan ini akan menjejaskan kunjungan pelancong. Celahan ini berlaku kerana L10 mengambil giliran secara sendiri untuk mendapatkan perhatian guru terhadapnya (lihat 62 Eks.10).

Analisis ini menunjukkan pelajar lelaki kelas 5 UPM kerap mencelah berbanding dengan pelajar perempuan. Pelajar perempuan tidak mencelah manakala hilang peluang pengambilan giliran kerana pelajar lelaki sering mencelah dan merampas giliran dalam interaksi bilik darjah semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Analisis data ini menunjukkan bahawa celahan berlaku dalam kedua-dua kelas sebelum penutur semasa habis bercakap atau mungkin juga pada masa peserta lain baru hendak mula bertutur. Celahan seringkali dilihat sebagai percubaan untuk merampas hak bercakap daripada penutur semasa. Analisis ini jelas menunjukkan pelajar lelaki yang kerap mencelah dan menunjukkan sikap dominasi mereka dan bersaing untuk mendapatkan hak bercakap atau mempertahankan giliran masing-masing. Pelajar perempuan pula menyerahkan hak bercakapnya jika mereka dicelah oleh pelajar lelaki.

#### 4.4.2 Analisis Pertindanan Ujaran

Dalam sesuatu interaksi pertindanan ujaran berlaku apabila penutur kedua mula bercakap semasa penutur pertama belum menghabiskan ujarannya. Biasanya pertindanan ujaran berlaku di akhir ujaran penutur pertama, iaitu perkataan pertama penutur kedua bertindan dengan perkataan atau suku kata akhir penutur semasa. Pada masa giliran penutur pertama, walaupun ditindan oleh ujaran penutur kedua, penutur pertama akan terus menghabiskan ujarannya.

#### Ekstrak 11 (Transkripsi 1: 5 UUM)

- [...]
12. G : Sekarang semua keluarkan buku teks/ buka muka surat 30
- ⇒ 13. L2 : **[Cikgu inikah?]**
14. L3 : Hei bukan ini/ inilah (xxx) itu pun kamu tak tahu/ <ketawa>
15. G : *Ok/ sudahlah tu/ kan cikgu kata/ jangan kacau kawan lain//*  
sila lihat gambar yang ada dalam muka surat yang anda buka//  
apakah yang anda lihat pada gambar itu?
16. L4 :  cikgu/ cikgu: saya  
telefon/ telefon
- ⇒ 17. L5 : **[telefon cikgu/]**
18. P2 : (*angkat tangan*) telefon awam(xxx)
19. G : Ya/ betul/ gambar telefon awam/ lain kali/ kalau nak jawab angkat tangan  
dan jawab/ jangan jerit macam tadi ok!/ apa yang ada dalam gambar  
kedua?
- ⇒ 20. L6 : (*tidak angkat tangan*)(...) **[telefon bimbit]**

- [...]
30. G : kelas/ berapa kali cikgu dah kata/ angkat tangan untuk beri jawapan//  
betulkah/ jawapan yang diberi oleh Durga?//
31. L9 : mm...betul cikgu:/
32. SP : Ya: betul/
33. G : Ya/ kita gunakan duit syiling untuk guna telefon  
awam//
34. L10 :  Cikgu saya: cikgu saya pernah guna duit syiling//
- ⇒ 35. L11 : **[Cikgu: saya pun guna duit syiling untuk membuat panggilan/]**
36. G : Nivashini pernah guna duit syiling untuk buat panggilan dengan telefon  
awam?//
37. P5 : (*angkat tangan*) (mengangguk kepala) ya:/

- [...]
43. G : Daripada petikan yang anda baca tadi, apakah persamaan  
dan perbezaan yang terdapat diantara telefon bimbit/  
dengan telefon awam// angkat tangan dulu sebelum bagi jawapan

- ⇒ 44. L3 : [(angkat tangan) cikgu/ cikgu:]  
45. G : Tolong dengar kelas/ apakah jawapan anda Ramesh?  
46. L3 : Kedua – dua telefon digunakan untuk bercakap/  
dengan kawan/

Dalam Ekstrak 11, didapati pertindanan ujaran berlaku semasa pengambilan giliran oleh pelajar lelaki dan perempuan semasa berinteraksi di bilik darjah. Pelajar mula bercakap pada tempat yang mungkin merupakan titik penyelesaian giliran penutur pertama. Penutur pertama meneruskan pertuturan hingga tamat walaupun ujaran mereka ditindan oleh penutur kedua. Contohnya, pelajar L2 menindan guru semasa guru memberi arahan mengeluarkan buku teks kepada murid. L2 menindan ujaran akhir guru dengan menyoal ‘cikgu inikah’. Ini menunjukkan L2 mengambil giliran dengan sendiri tanpa mengangkat tangan (lihat 13 Eks.11).

Selain itu, pelajar L5 pula menindan ujaran L4 semasa L4 mencelah guru. L5 mula memberi jawapannya iaitu ‘telefon cikgu’ semasa L4 sedang bertutur. Beliau tidak mengangkat tangan untuk mendapat giliran daripada guru untuk memberi jawapan. Beliau memilih giliran secara sendiri untuk memberi jawapan kepada guru walaupun L4 sedang bertutur. (lihat 17 Eks.11).

Di samping itu, pelajar L6 menindan ujaran guru dengan tidak mengangkat tangan dan memberi jawapan iaitu ‘telefon bimbit’ semasa guru menyoal murid. Guru meneruskan ujaran hingga titik penamatan walaupun beliau ditindan oleh L6. Pelajar L6 masih menindan ujaran guru walaupun, guru menegur agar mengangkat tangan untuk menjawab soalnya. Ini menunjukkan L6 mengambil giliran secara sendiri untuk memberi pandangannya sebelum guru menamatkan ujarannya (lihat 20 Eks.11).

Justeru itu, pelajar L11 pula, menindan ujaran L10 semasa L10 mencelah guru untuk memberitahu pendapatnya. L11 mula memberi pandangannya iaitu beliau menggunakan

duit syiling untuk membuat panggilan dari telefon awam sebelum L10 menamatkan ujarannya. L11 menindan dan mengambil giliran L10 dengan tidak mengangkat tangan (lihat 35 Eks.11).

Pelajar L3, menindan ujaran guru semasa guru menyoal tentang persamaan dan perbezaan yang terdapat di antara telefon bimbit dan telefon awam. Sebelum guru menamatkan ujarannya, L3 mula memangil 'cikgu,cikgu' dengan mengangkat tangan. Oleh itu, guru memberi peluang kepada L3 untuk memberitahu pandangannya. Pertindanan ujaran ini berlaku kerana L3 ingin mengambil giliran secara cepat untuk mendapatkan perhatian guru terhadapnya (lihat 44 Eks.11).

Analisis ini menunjukkan bahawa pelajar lelaki dari kelas 5 UUM kerap menindan ujaran berbanding dengan pelajar perempuan di dalam interaksi di bilik darjah semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Pelajar perempuan tidak menindan, manakala menjadi pendengar dan mengambil giliran dengan mengangkat tangan atau semasa dipanggil oleh guru.

### **Ekstrak 12 (Transkripsi 2: 5 UPM)**

- [...]
23. P3 : hmmm... Kuala Lumpur  
24. P4 : (angkat tangan) cikgu/ saya pun pernah pergi ke Kuala Lumpur//  
25. P5 : (angkat tangan) saya pun cikgu://  
⇒ 26. L6 : [**Kuala Lumpur/ dekat mana?//**]  
27. P4 : Batu Caves/ mm...Kuil(xxx)/ Thaipusam//  
28. G : *ok/ sudahlah/ siapa lagi yang pernah melancong ke Batu Caves?/ angkat tangan//*
- [...]
73. L13 : (angkat tangan) cikgu/ ada kerja rumahkah?//  
74. G : Ada// balik rumah nanti/ buat latihan pemahaman yang ada dalam muka surat 47/ jawab soalan pemahaman itu dalam buku latihan pemahaman/ sebelum jawab soalan itu/ baca sekali lagi petikan tadi//  
⇒ 75. L13 : [**Cikgu: itu sajakah?**]  
76. G : Ada lagi/ setiap orang kena cari 3 gambar tempat pelancongan/ dan lekat

dalam buku karangan// lepas itu/ tulis satu petikan mengenai tempat pelancongan yang anda lekat// *Ok* kelas/ itu sahaja untuk hari ini kita akan jumpa esok// pastikan semua buat kerja ya//

Dalam Ekstrak 12, didapati pertindanan ujaran berlaku semasa pengambilan giliran oleh pelajar lelaki dan perempuan semasa berinteraksi di bilik darjah. Pelajar mula bercakap pada tempat yang mungkin merupakan titik penyelesaian giliran penutur pertama. Penutur pertama meneruskan pertuturan hingga tamat walaupun ujaran mereka ditindan oleh penutur kedua. Contohnya, pelajar L6 bermula ujarannya dengan menyoal ‘Kuala Lumpur, dekat mana?’ kepada P5 sebelum P5 menamatkan ujaran. L6 menindan ujaran akhir P5 dan meneruskan ujarannya sehingga titik penamatan. Ini menunjukkan L6 mengambil giliran P5 dengan sendiri tanpa mengangkat tangan (lihat 26 Eks.12).

Selain itu, pelajar L13 menindan ujaran guru semasa guru memberi kerja rumah kepada murid. Sebelum guru menamatkan ujarannya, L13 mula menyoal dengan ujaran ‘Cikgu itu sajakah?’ tanpa mengangkat tangan. Pertindanan ujaran ini berlaku kerana L13 berminat dan mendapatkan kepastian tentang kerja rumah yang diberi oleh guru (lihat 75 Eks.12).

Analisis ini menunjukkan bahawa pelajar lelaki L6 dan L13 dari kelas 5 UUM menindan ujaran manakala, pelajar perempuan tidak menindan. Pelajar perempuan menjadi pendengar dalam interaksi bilik darjah dan mengambil giliran secara bersopan dengan mengangkat tangan atau semasa dipanggil oleh guru.

Dalam kedua-dua kelas, pertindanan ujaran berlaku apabila giliran penutur semasa ditindan oleh ujaran penutur berikutnya sehingga membawa kepada titik penamatan. Penutur berikut memulakan ujarannya pada titik penamatan penutur semasa. Analisis ini jelas menunjukkan pelajar lelaki yang sering membuat pertindanan ujaran dalam interaksi bilik darjah.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN**

#### **5.0 Pendahuluan**

Dalam bab ini, perbincangan mengenai keseluruhan dapatan kajian yang berkaitan dengan interaksi yang terbina di antara gender dalam bilik darjah. Perbincangan kajian meliputi aspek pengambilan giliran seperti maklumbalas minima, celahan dan pertindanan ujaran yang terdapat dalam interaksi bilik darjah. Selain itu, pengkaji juga memberikan beberapa saranan dan cadangan hasil daripada dapatan kajian yang dijalankan ini.

Rakaman interaksi bilik darjah di antara pelajar Tahun 5 UUM dan Tahun 5 UPM yang digunakan untuk kajian ini merupakan satu lagi usaha dalam kajian bahasa dan gender yang bertujuan untuk mengkaji dan menganalisa salah satu komponen bahasa. Kajian ini telah memilih pengambilan giliran dan maklumbalas minima dalam interaksi bilik darjah sebagai bidang skop. Fokus utama kajian adalah untuk mengkaji perbezaan dan kekerapan pengambilan giliran dan maklumbalas minima dalam interaksi bilik darjah di antara gender.

#### **5.1 Perbezaan Maklumbalas Minima di antara Gender**

Keputusan yang telah diperolehi melalui analisa data telah jelas menunjukkan perbezaan yang ketara berlaku di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam interaksi bilik darjah. Pelajar perempuan didapati memberi maklumbalas minima yang kerap manakala, pelajar

lelaki didapati jarang memberi maklumbalas minima dan suka mengambil bahagian dalam interaksi dengan mencelah dan pertindanan ujaran.

### **5.1.1 Penggunaan Maklumbalas Minima oleh Pelajar Perempuan**

Analisis kajian menunjukkan bahawa pelajar perempuan didapati kerap menggunakan maklumbalas minima untuk berfikir, menunjukkan minat, memberi sokongan dan menunjukkan kefahaman terhadap topik perbincangan dalam interaksi bilik darjah dan menunjukkan kefahaman mereka tentang isu yang sedang dibincangkan. Pelajar perempuan memberi maklumbalas minima /mm/, /hmm/, /ya/, /mmm/ dan mengangguk kepala untuk memberi sokongan terhadap interaksi bilik darjah.

Pelajar perempuan menggunakan maklumbalas minima untuk berfikir sebanyak enam kali berbanding dengan pelajar lelaki tiga kali kerana mereka ingin memastikan jawapan yang diberikan itu betul. Pelajar perempuan lebih mengutamakan imej mereka kerana mereka menganggap jika memberi jawapan yang salah ia akan memalukan mereka atau menjejaskan imej mereka.

Menurut kajian Coates (1997) dan Fishman (1980) golongan wanita menggunakan maklumbalas minima untuk menunjukkan sokongan mereka terhadap topik perbincangan. Dalam kajian ini juga pelajar perempuan berminat meneruskan interaksi bilik darjah dengan memberi maklumbalas minima /mm/ sebanyak enam kali untuk menunjukkan sokongan terhadap pendapat yang diberikan oleh rakan mereka. Ini adalah kerana mereka tidak suka mengganggu kelancaran interaksi bilik darjah dengan memberi pandang sendiri.



Selain itu, pelajar perempuan memahami topik perbincangan yang sedang berlangsung dengan memberi maklumbalas bukan verbal iaitu mengangguk kepala dan memberi maklumbalas minima verbal /ya/ sebanyak enam kali. Ini menunjukkan pelajar perempuan lebih peka terhadap pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di bilik darjah. Mereka menyebabkan sesuatu interaksi bilik darjah itu terbina dengan lancar tanpa kekeliruan. Ini adalah sama seperti pendapat Tannen (1994) and Coates (1997) tentang golongan wanita iaitu golongan wanita bekerjasama (*cooperative*) dalam sesuatu interaksi berbanding golongan lelaki (*competitive*).

Kajian ini menunjukkan pelajar perempuan memberi sokongan mereka terhadap pendapat pelajar lain dan mendorong kepada pelajar lelaki mengambil giliran seterusnya dalam interaksi bilik darjah. Ini dapat dibuktikan dengan melihat dapatan kajian iaitu pelajar perempuan menggunakan maklumbalas minima untuk memberi sokongan sebanyak enam kali berbanding pelajar lelaki hanya dua kali. Menurut kajian yang dijalankan oleh Selma Ersoy (2008) golongan wanita yang lebih menggunakan maklumbalas minima untuk menunjukkan minat dan menyokong pendapat penutur lain dan kurang mencelah berbanding golongan lelaki untuk memastikan kelancaran interaksi.

Seperti yang dikatakan oleh Coates (1996) tentang golongan wanita yang lebih mengutamakan kelancaran interaksi, dalam kajian ini juga pelajar perempuan lebih bertindak sebagai pendengar dan penggalak interaksi bilik darjah dengan menggunakan maklumbalas minima yang paling tinggi dalam interaksi bilik darjah. Pelajar perempuan juga bertindak sebagai pelincir proses interaksi bilik darjah dengan memberi maklumbalas minima berbentuk verbal dan bukan verbal pada pertengahan ucapan, akhir ucapan atau semasa penutur sedang bercakap untuk menunjukkan minat, perhatian, persetujuan atau sokongan.

Perbezaan dalam jumlah maklumbalas minima yang dicatatkan oleh pelajar perempuan ini sudah jelas menunjukkan bahawa interaksi bilik darjah terbina dengan lancar daripada sokongan yang diberikan oleh pelajar perempuan dengan sifat feminin mereka seperti yang dikatakan oleh Tannen iaitu pertuturan wanita menitikberatkan aspek kerjasama atau sokongan dalam sesebuah konteks perbualan (Tannen, 1990).

### **5.1.2 Penggunaan Maklumbalas Minima oleh Pelajar Lelaki**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar lelaki jarang menggunakan maklumbalas minima dalam interaksi bilik darjah. Pelajar lelaki lebih suka mengambil giliran dengan cepat dalam interaksi bilik darjah. Mereka memberi jawapan kepada soalan guru dengan cepat dan tanpa berfikir adakah jawapan yang diberikan itu betul atau salah. Menurut Lakoff (1975), lelaki berasa lebih yakin terhadap pendapat mereka. Oleh itu, pelajar lelaki memberi pendapat atau jawapan mereka dengan yakin dan cepat tanpa berhenti untuk berfikir.

Selain itu, pelajar lelaki juga tidak menggunakan maklumbalas minima untuk menunjukkan minat mereka terhadap topik perbincangan dalam bilik darjah. Ini adalah kerana pelajar lelaki suka menunjukkan minat mereka terhadap interaksi bilik darjah dengan cara yang lain iaitu suka mencelah dan menindan ujaran penutur lain. Ini akan dibincangkan dalam Bahagian 5.2.2.

Menurut Ying He (2009) golongan lelaki menggunakan maklumbalas minima dengan kekerapan yang tinggi semasa berinteraksi dalam program televisyen berbanding dengan golongan wanita untuk mendominasi interaksi. Menurut kajian ini pula, pelajar lelaki menggunakan maklumbalas minima dengan kekerapan yang rendah berbanding pelajar perempuan iaitu sebanyak empat kali sahaja. Walaupun penggunaan maklumbalas minima ini adalah rendah di kalangan pelajar lelaki, namun mereka masih memberi sokongan

terhadap interaksi bilik darjah dengan mencatat jumlah kekerapan pengambilan giliran yang tinggi dengan mencelah dan menindan ujaran penutur lain.

## **5.2 Perbezaan Kekerapan Pengambilan Giliran di antara Gender**

Pengkaji mencari jawapan kepada soalan kajian dengan memberi gambaran tentang aspek pengambilan giliran yang ditemui dalam interaksi bilik darjah di antara pelajar lelaki dan perempuan. Pengambilan giliran dalam interaksi dikaji dari aspek pertuturan serentak iaitu celahan dan pertindanan ujaran.

### **5.2.1 Kekerapan Pengambilan Giliran oleh Pelajar Perempuan**

Analisis data kajian menunjukkan bahawa kekerapan pengambilan giliran dalam interaksi bilik darjah di kalangan pelajar perempuan adalah lebih rendah berbanding pelajar lelaki. Secara keseluruhan, pelajar lelaki dari kedua-dua kelas mencatat jumlah kekerapan pengambilan giliran yang tinggi 62% berbanding pelajar perempuan 38% sahaja (lihat Jadual 4.3). Perbezaan ini menunjukkan pelajar perempuan bersifat pasif terhadap interaksi bilik darjah.

Selain itu, dapatan kajian ini menunjukkan pelajar perempuan tidak mencelah dan menindan ujaran penutur lain dalam interaksi bilik darjah. Pelajar perempuan mengambil giliran dalam interaksi dengan cara sopan seperti mengangkat tangan dan menunggu giliran. Pelajar perempuan juga hilang giliran mereka setelah pelajar lelaki mencelah ujaran mereka semasa berhenti seketika untuk berfikir dengan menggunakan maklumbalas minima. Mereka akan mendapat giliran yang hilang setelah guru menegur pelajar lelaki dan memberi peluang kepada mereka untuk meneruskan gilirannya.

Keadaan ini menyebabkan terdapat perbezaan dalam jumlah kekerapan pengambilan giliran. Perbezaan ini tidak bermakna pelajar perempuan gagal membina interaksi bilik darjah. Walaupun pelajar perempuan agak pasif dalam pengambilan giliran, mereka masih mendorong kepada pembinaan interaksi bilik darjah yang lancar dengan memberi kerjasama dalam interaksi bilik darjah.

### **5.2.2 Kekerapan Pengambilan Giliran oleh Pelajar Lelaki**

Dalam kajian ini, pelajar lelaki dianggap sebagai penutur aktif kerana dari segi pengambilan giliran pelajar lelaki yang mencatat jumlah kekerapan yang tinggi iaitu 62% berbanding pelajar perempuan. Sebahagian besar celahan dan pertindihan ujaran yang ditemui di dalam data kajian adalah di kalangan pelajar lelaki yang bersifat memberi pendapat dengan cepat, menunjukkan kuasa dan cuba merampas hak bercakap daripada penutur pertama.

Analisis kajian ini mendapati pertindihan ujaran berfungsi sebagai tanda persetujuan, pemberian perhatian dan galakkan untuk meneruskan interaksi. Pertindihan ujaran wujud di kalangan pelajar lelaki semasa pelajar lelaki memilih sendiri giliran seterusnya tanpa menghiraukan penutur pertama. Pengkaji mendapati gender pelajar yang terlibat dalam interaksi semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan mempunyai pengaruh ke atas pembinaan pengambilan giliran dan seterusnya kepada perjalanan sesuatu proses interaksi.

Gender menentukan peranan yang dimainkan oleh seseorang pelajar di dalam interaksi bilik darjah. Pelajar lelaki secara tidak disedari diberi kedudukan atau kuasa oleh pelajar perempuan. Buktinya dapat dilihat daripada jumlah kekerapan pengambilan giliran yang tinggi dengan kehadiran celahan dan pertindihan ujaran dalam interaksi bilik darjah.

### **5.3 Implikasi Kajian dan Cadangan**

Pengkaji mendapati gender pelajar yang terlibat mempunyai pengaruh ke atas pembinaan interaksi bilik darjah dari segi pengambilan giliran dan maklumbalas minima. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan memainkan peranan sebagai pendengar aktif, pendorong atau pelincir dalam interaksi bilik darjah manakala pelajar lelaki pula mendominasi interaksi dan secara tidak sedari diberi kedudukan atau pengiktirafan kuasa oleh pelajar perempuan. Buktinya dilihat daripada perbezaan kekerapan maklumbalas minima dan pengambilan giliran dalam interaksi bilik darjah seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 4.

Interaksi bilik darjah merupakan permulaan asas kepada interaksi sosial kepada generasi akan datang. Oleh yang demikian, interaksi bilik darjah ini harus diberi perhatian demi melahirkan generasi yang berkebolehan dalam pembinaan sesuatu interaksi sosial yang seimbang di antara gender. Guru-guru harus menitikberatkan pengambilan giliran dan maklumbalas minima dalam interaksi bilik darjah berlaku dengan seimbang di antara gender. Maka, pelajar lelaki akan mempelajari cara memberi peluang pengambilan giliran kepada penutur lain untuk berinteraksi dan mengemukakan pendapat, menghormati dan menerima pendapat penutur lain. Pelajar perempuan pula akan menjadi penutur yang aktif dalam interaksi bilik darjah.

Kajian ini hanya melihat kepada pelajar Sekolah Tamil yang berinteraksi di bilik darjah semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Interaksi ini telah dikawal oleh guru yang mengajar. Pada masa yang sama, kajian ini menunjukkan pelajar lelaki yang mengambil giliran yang banyak kerana sikap pelajar perempuan yang lebih bersopan dan pelincir interaksi semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Di Malaysia bidang kajian bahasa dan gender masih merupakan bidang yang baru. Kajian yang berkaitan dengan bidang ini jarang dijumpai. Dengan adanya kajian ini, diharapkan akan dapat memberikan sedikit sumbangan ke arah perkembangan kajian bahasa dan gender. Pengkaji diharapkan kajian ini dapat mencetus minat ahli linguistik untuk membuat penyelidikan lanjutan berkaitan dengan pengambilan giliran dan maklumbalas minima dalam interaksi di antara gender dengan golongan masyarakat yang lain contohnya golongan remaja, dewasa, warga tua, masyarakat bandar dan luar bandar yang status sosioekonomi yang berbeza dan golongan gender dari profesion yang pelbagai seperti buruh kasar, doktor, peguam dan dikaji di tempat yang berlainan seperti Sekolah Kebangsaan, Sekolah Cina, Sekolah Menengah atau Institut Pengajian Tinggi.

Pengkaji menyarankan agar lebih banyak kajian lanjutan yang berkaitan bidang gender perlu dijalankan. Banyak persoalan yang bertumpukan isu-isu gender masih boleh dikaji oleh pengkaji tempatan. Akhir kata diharap kajian ini dapat menyumbangkan kepada khazanah ilmu di dalam bidang gender di Malaysia.